

No. Kelas:

No Perolehan:

Tarikh:

**SATU KAJIAN KES IDENTITI ETNIK SINO-KADAZAN DI
PEKAN PAPAR**

JENITH MAHIBOL

No Matrik: 60138

**Projek Penyelidikan
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera**

**Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya
59100 Kuala Lumpur**

Sesi 1993/94

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Tuhan kerana memberikan saya kekuatan dan inspirasi untuk menyelesaikan Projek Penyelidikan ini.

Terima kasih kepada penyelia saya iaitu Profesor Dr. Zainal Kling yang telah memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada saya dalam menyediakan Projek Penyelidikan ini. Sungguhpun sibuk dengan tugasnya sebagai Ketua Jabatan, beliau telah meluangkan masa untuk berbincang dan memperbaiki penulisan saya. Terima kasih juga kepada Dr. Tan Chee Beng yang merupakan pensyarah dan sekaligus teman untuk berbincang. Beliau juga telah meluangkan banyak masa berbincang dengan saya dan berkongsi pengalamannya dalam bidang penyelidikan yang sangat memberi manfaat kepada projek ini.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pihak Institut Pengajian Tinggi yang telah menaja saya di bawah Projek Hubungan Etnik mereka.

Terima kasih juga kepada semua responden yang telah memberi kerjasama dari segi maklumat dan sokongan moral mereka. Begitu juga dengan individu-individu dan pihak-pihak kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyelesaikan projek ini, Majlis Daerah Papar dan Penampang, Pejabat Pendaftaran Papar dan Kota Kinabalu, Jabatan Perangkaan Kota Kinabalu, Perpustakaan Negeri Sabah, Muzium dan Arkib Negeri, pihak Jabatan

Ketua Menteri Sabah, S.R.J.K Cheng Hwa dan S.R.J.K St. Joseph, Papar serta kakitangan pejabat Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

Terima kasih yang teristimewa sekali buat keluarga saya terutamanya kedua ibubapa saya yang telah terlibat secara langsung dalam menyelesaikan projek ini sama ada dalam bentuk bantuan kewangan dan fizikal, mahupun dorongan dan doa mereka. Begitu juga kepada Michael, Walter, Jenny, Judy dan Julia yang banyak membantu melalui cara-cara mereka yang tersendiri.

Terima kasih juga kepada sahabat istimewa, Bernie yang sentiasa menawarkan pertolongan dalam apa cara sekalipun dan telah sama-sama memikul segala masalah dalam proses menyediakan projek ini. Tidak lupa kepada saudara mara dan sahabat-sahabat yang begitu mengambil berat terhadap projek ini, sokongan doa dan bantuan moral mereka adalah sangat dihargai; Encik Andrew Tuining dan isteri, Encik Suhaibun Yusuf, Puan Nani Linggang, Walter (D.B), Carole, John, Jae, Doreen, Rick, Easter, Jane, Richard & Grace, Albert Lai, Danny Wong, Annie, Maria, Fanny, Halimah, Gilberth, Lee Sing, Naoko dan lain-lain. Terima kasih.

"I can do everything through God who gives me strength"
(Phil.4:13)

SINOPSIS

Kajian ini merupakan kajian kes yang dijalankan ke atas kaum Sino-kadazan di kampung-kampung sekitar Pekan Papar dan beberapa kawasan di luar Pekan Papar. Sino-Kadazan merupakan salah satu kumpulan sub-etnik di Sabah yang juga dikenali sebagai 'peranakan Cina'. Identiti kaum ini merupakan identiti yang *ambiguous*. Ini adalah kerana ia terhasil daripada gabungan antara dua etnik yang berlainan iaitu Kadazan dan Cina.

Identiti yang *ambiguous* ini telah menimbulkan beberapa masalah kepada kaum ini khususnya dari segi hak dan peluang untuk menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Kajian ini akan memperlihatkan bagaimana keadaan sosioekonomi dan politik negara mempengaruhi pemantapan dan perubahan identiti ini. Selain daripada itu, kajian ini juga akan menjelaskan bagaimana kaum ini mengendalikan masalah-masalah dan halangan-halangan yang mereka hadapi.

Bab satu menerangkan tentang permasalahan dan tema kajian di samping menerangkan objektif dan skop kajian. Bab ini juga mengandungi perbincangan mengenai kajian-kajian etnisiti yang lepas dan pendekatan-pendekatan teori yang digunakan. Selain daripada itu, metodologi penyelidikan dan kesulitan-kesulitan kajian juga dibincangkan dalam bab ini.

Dalam bab kedua, pengkaji memberikan secara ringkas latar belakang mengenai Sino-kadazan di Sabah dan latar belakang responden. Selain daripada itu, pengkaji juga menerangkan secara ringkas mengenai kedudukan etnik Kadazan dan Cina sebagai bumiputera di Sabah.

Bab ketiga mengandungi perbincangan mengenai identiti etnik Sino-Kadazan dari aspek pembentukannya hingga kepada proses pemantapan dan perubahan identitinya. Perbincangan juga akan berkisar mengenai faktor-faktor pengidentifikasi diri yang amat berkait rapat dengan dinamik identiti ini.

Bab keempat membincangkan mengenai proses adaptasi budaya dalam sesebuah keluarga Sino-Kadazan. Dalam hal ini, pengkaji akan membincangkan mengenai amalan budaya yang dominan dalam keluarga itu dengan mengambilkira faktor-faktor penting seperti agama dan budaya. Di samping itu, pengkaji juga membincangkan aspek sosialisasi termasuk agen-agen sosialisasi yang penting dan interaksi sosial yang berlaku dalam masyarakat Sino-Kadazan.

Akhirnya, bab kelima akan merumuskan isu-isu utama yang berkaitan dengan identiti etnik ini termasuk faktor-faktor yang berkait rapat dengannya. Sebagai kesimpulan bagi kajian ini, pengkaji membincangkan kemungkinan-kemungkinan bagi masa depan kaum ini dan implikasinya serta pandangan pengkaji sendiri terhadap masa depan identiti kaum ini.

ISI KANDUNGAN

mukasurat

Penghargaan	i
Sinopsis	iii
Isi Kandungan	v
Senarai Peta	vii
Senarai Rajah dan Jadual	viii

Bab 1 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan dan Tema Kajian	
1.2 Objektif Kajian	
1.3 Skop Kajian	
1.4 Kajian-kajian lepas dan Pendekatan teori	
1.5 Metodologi Penyelidikan	
a. Metodologi	
b. Masalah-masalah Penyelidikan	
Nota	
Bab 2 Latar belakang Sino-Kadazan dan Responden	26
2.1 Latar belakang Ringkas mengenai Sino-Kadazan	
a. Latar belakang Sino-Kadazan di Sabah	
b. Latar belakang Tempat Kajian dan masyarakat Sino-Kadazannya	
c. Latar belakang Orang-Orang Cina dan Kadazan sebagai bumiputera di sabah	
2.1 Latar belakang Responden	
Nota	

Bab 3 Identiti Etnik Sino-Kadazan	40
3.1 Pembinaan Identiti Sino-kadazan Melalui Perkahwinan dan Keturunan	
3.2 Aspek Pemilihan Jodoh	
3.3 Identiti Etnik dari Perspektif Individu dan Masyarakat	
a. Faktor-Faktor Pengidentifikasi Diri	
b. Pemantapan dan Perubahan Identiti	
3.4 Dinamik Identiti Sino-Kadazan	
Bab 4 Proses Adaptasi Budaya dalam Keluarga Sino-Kadazan	66
4.1 Kecenderungan Amalan Budaya	
4.2 Pengaruh Faktor Agama dalam Proses Adaptasi	
4.3 Proses Sosialisasi dalam Keluarga Sino-Kadazan	
a. Keluarga	
b. Rakan-Rakan Sebaya (<i>Peer Group</i>)	
c. Sekolah	
d. Tempat Tinggal	
4.4 Interaksi dan Perhubungan Sosial	
Bab 5 Perbincangan dan Kesimpulan	100
5.1 Isu-Isu Utama dalam Identiti Sino-Kadazan	
a. Faktor Nisab Ayah	
b. Faktor Nama	
c. Faktor Keturunan	
d. Faktor Budaya	
5.2 Kemungkinan-Kemungkinan dan Implikasi	
5.3 Kesimpulan	
Lampiran	113
Bibliografi	116
Peta dan Laporan Banci	121

Senarai Peta

m u k a s u r a t

1. Peta negeri Sabah	121
2. Peta kedudukan Pekan Papar	122

Senarai Rajah dan Jadual

m u k a s u r a t

1. Jadual 1 Campuran Etnik Setiap Responden	3 6
2. Rajah 2 Pembinaan identiti Sino-Kadazan	4 1
2 a Encik YCY	
2 b Puan LL	
2c Encik RC	
3. Jadual 3 Klasifikasi etnik dan Identiti	4 9
4. Rajah 4 Pemantapan dan Perubahan Identiti Sino-Kadazan	5 5
(Rajah 4a - 4v)	
5. Jadual 5 Kecenderungan Amalan Budaya	6 7
6. Jadual 6 Pengaruh Campuran Etnik terhadap Kecenderungan Amalan Budaya	7 5

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Permasalahan dan tema kajian

Kaum Sino-kadazan di Sabah secara umumnya merupakan hasil daripada gabungan antara etnik Cina dan Kadazan. Perkataan yang biasanya digunakan oleh masyarakat umum bagi kumpulan ini ialah 'peranakan Cina'. Kumpulan etnik ini yang merupakan salah satu sub-etnik di Sabah telah menjadi semakin menonjol bukan sahaja kerana bilangannya yang semakin bertambah tetapi juga kerana penglibatannya yang semakin ketara dalam pelbagai bidang dan sektor yang terdapat di Sabah hingga menjadikan pencapaian mereka dalam kebanyakan bidang menjadi hampir setaraf dengan pribumi-pribumi lain di Sabah.

Penduduk yang berbilang etnik di Sabah terutamanya di kalangan kumpulan-kumpulan orang asli yang berlainan serta kumpulan-kumpulan etnik yang terhasil daripada perkahwinan campur telah menimbulkan masalah dalam membuat pengklasifikasian penduduk. Banci penduduk Sabah pada tahun 1970 telah menghasilkan satu klasifikasi yang terperinci. Dalam klasifikasi ini, kumpulan etnik '*Sino-Native*'¹ telah diletakkan di bawah kategori 'Lain-lain orang asli'.² Walaupun bagaimanapun, satu perubahan yang besar telah dibuat dalam Banci penduduk pada tahun 1980. Dalam Banci penduduk ini, semua kumpulan orang Asli,

non-citizen dan kumpulan-kumpulan imigran adalah diletakkan di bawah kategori 'Pribumi'. Istilah pribumi telah dipersetujui dan diterima secara rasmi pada Januari 1979 apabila Kerajaan Negeri Sabah telah mengistiharkan untuk menetapkannya sebagai istilah yang kolektif bagi mengidentifikasi kumpulan-kumpulan orang asli yang berlainan di Sabah dan bukan lagi berdasarkan nama kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza.

Walaupun tujuan asal penggunaan istilah pribumi adalah untuk mencerminkan perpaduan dan menggalakkan integrasi tetapi secara langsung ia telah menimbulkan kontroversi. Isunya adalah mengenai taraf-taraf kedudukan dan keistimewaan bagi kumpulan-kumpulan yang berbeza ini terutamanya kumpulan-kumpulan *non-citizen* dan imigran yang juga diletakkan di bawah kategori 'Pribumi' ini. Isu yang dibangkitkan ialah sekiranya *non-citizen* dan kumpulan imigran ini diiktirafkan sebagai pribumi maka anak-anak mereka kelak akan secara automatik layak digolongkan sebagai sebagai pribumi yang mempunyai status bumiputera. Ini menimbulkan prasangka, rasa tidak puas hati dan rasa tidak adil bagi golongan yang tidak dikategorikan sebagai pribumi dan bagi penduduk pribumi asal yang merasakan diri mereka lebih berhak terhadap status bumiputera serta keistimewaan-keistimewaan yang disediakan. Ekoran daripada itu, isu ini telah menjadi hangat terutamanya semasa Pilihanraya 1985 dan menjadi bahan perdebatan di kalangan pelbagai komuniti dan kumpulan-kumpulan orang asli di Sabah pada ketika itu. Mereka telah meminta supaya dikekalkan perbezaan dan pengasingan kedudukan kumpulan-

kumpulan etnik yang telah wujud sejak dulu lagi. Dalam hal ini, kumpulan etnik Sino-Kadazan juga termasuk dalam golongan yang 'tidak layak' dianggap sebagai pribumi. Salah satu sebab yang utama ialah kerana mereka mempunyai campuran darah dengan etnik Cina yang bukan merupakan orang asli di Sabah.

Dalam tahun 1952, *Interpretation (Definition of Native) Ordinance (Sabah Cap.64)*³ telah memperuntukkan mereka yang berasal dari negara-negara jiran yang telah menjadi warganegara secara kemasukan (*Naturalized Citizen*) dan menetap di Sabah supaya digolongkan sebagai *Native* Sabah. Peruntukan ini juga terbuka kepada mereka yang menuntut bahawa mereka mempunyai keturunan orang asli di Sabah dan mereka yang telah berkahwin dengan orang asli di Sabah. Mereka dikehendaki membuat permohonan melalui prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Apabila permohonan ini diluluskan, mereka akan memperolehi sijil yang dikenali sebagai *Sijil Anak Negeri* yang mengesahkan taraf mereka sebagai bumiputera.

Ekoran daripada rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969, kerajaan telah melaksanakan satu dasar baru iaitu Dasar Ekonomi Baru yang memperuntukan kedudukan dan keistimewaan-keistimewaan yang tertentu kepada golongan bumiputera sahaja khasnya dari segi ekonomi dan sosial. Ini secara langsung telah mewujudkan satu jurang pemisah yang besar antara golongan bumiputera dan bukan bumiputera. Berikutan daripada ini, perolehan *Sijil Anak Negeri* telah menjadi semakin penting dan

berharga bagi setengah-setengah kumpulan termasuklah kaum Sino-Kadazan. Bagi Sino-Kadazan, sijil ini penting untuk membuktikan status mereka sebagai bumiputera memandangkan nama keluarga Cina mereka menjadi penghalang kepada mereka untuk menikmati segala jenis kemudahan dan keistimewaan yang disediakan oleh kerajaan. Di antara keistimewaan-keistimewaan yang termasuk di bawah polisi tersebut ialah seperti premium yang rendah bagi tanah yang mempunyai *native tittle*, peluang yang lebih terbuka dalam bidang perniagaan dan pendidikan, misalnya perolehan lesen atau tender dan bantuan biasiswa kerajaan negeri.

Ekoran daripada batasan-batasan tersebut, perolehan Sijil Anak Negeri telah disalahgunakan. Mereka yang tidak layak memperolehi sijil tersebut secara sah telah menggunakan cara-cara yang tidak sah dan tidak mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Akibatnya, sijil ini telah dimansuhkan pada tahun 1982. Ini telah menimbulkan masalah yang lebih besar kepada golongan bukan bumiputera terutamanya kepada kaum Sino-Kadazan dan *Sino-Native* yang lain. Ini adalah disebabkan nama keluarga Cina mereka yang telah menjadi ciri utama untuk membezakan mereka dengan golongan bumiputera walaupun sebenarnya mereka adalah tergolong dalam kategori bumiputera. Oleh sebab itu, kumpulan ini telah mencari satu lagi jalan keluar iaitu dengan menghapuskan nama Cina mereka dan menggantikan dengan nama salah seorang ahli keluarga mereka yang bukan berketurunan Cina.

Masalah kedudukan dan status sebagai bumiputera ini amat berkait rapat dengan masalah identiti yang dialami oleh kumpulan etnik Sino-Kadazan ini. Masalah identiti etnik ini wujud akibat daripada pandangan subjektif dan pandangan objektif masyarakat terhadap kumpulan ini. Pandangan subjektif adalah merujuk kepada pengertian dan persepsi masyarakat atau individu terhadap kumpulan ini. Manakala pandangan objektif pula merujuk kepada ciri-ciri fizikal dan nyata yang dijadikan asas untuk mengidentifikasi diri masing-masing. Masalah berkaitan dengan identiti ini ialah untuk menentukan asas utama untuk mengidentifikasi seseorang Sino-Kadazan itu dan apakan faktor-faktor yang diambilkira dalam pengidentifikasiannya itu.

Masalah identiti juga timbul daripada semangat etnisiti di kalangan Sino-Kadazan. Sesetengah Sino-Kadazan merasakan diri mereka tidak diterima dalam mana-mana kumpulan etnik terutamanya dalam kumpulan etnik Cina atau Kadazan. Jika diterima pun, itu adalah kerana mereka boleh bertutur dalam salah satu bahasa daripada kumpulan-kumpulan etnik itu atau mereka mempunyai kedudukan dan status yang tinggi dalam mana-mana kumpulan itu. Oleh itu, merujuk kepada kumpulan 'peranakan Cina' seperti Baba di Melaka yang mempunyai sempadan etnik dan identiti yang tersendiri, sebahagian besar individu Sino-Kadazan mempunyai keinginan untuk menjadi satu kumpulan etnik yang mempunyai sempadan dan identiti etnik yang tersendiri. Walau bagaimanapun, ini menimbulkan masalah yang lain pula iaitu dari

identiti etnik Sino-Kadazan yang sebenarnya. Dalam hal ini, kita dapat melihat dinamik identiti etnik Sino-Kadazan yang secara langsung menjadikan identiti mereka akian melihat bagaimana identiti mereka yang ambiguus sebagai sesuatu yang ambiguus. Oleh sebab itu, dalam kasian ini perbezannya dengan kumpulan-kumpulan yang lain memberi kita akian melihat bagaimana identiti mereka yang ambiguus dengan berbezannya dengan kumpulan yang lain.

golongan bumiputera yang lain. Untuk memperolehi taraf dan kedudukan yang sama dengan untuk mereka mengikut masa, keadaan dan faktor-faktor tertentu identiti mereka mengikut masa, keadaan dan faktor-faktor tertentu Dengan lain perkataan, mereka cenderung untuk menukar-nukri identiti mereka mengikut masa, keadaan dan faktor-faktor tertentu untuk memperolehi taraf dan kedudukan yang sama dengan golongan bumiputera yang lain. Dengan lain perkataan, mereka cenderung untuk menukar-nukri identiti mereka mengikut masa, keadaan dan faktor-faktor tertentu untuk memperolehi taraf dan kedudukan yang sama dengan golongan bumiputera yang lain.

Pendek kata, identiti etnik memainkan peranan yang diamalkan oleh kumpulan etnik ini. Besar dalam memperolehi peluang kemudahan dan keistimewaan sama ada dari segi sosial mahupun ekonomi. Dalam mengendalik masalah ini, kaum Sino-Kadazan cenderung untuk memperlihatkan masalah ini, kaum Sino-Kadazan cenderung untuk memperlihatkan sama ada dari segi sosial mahupun ekonomi. Dalam mengendalik masalah dan persolan untuk memilih salah satu budaya etnik yang harus diamalkan yang harus dijadikan sebagai sempadan dan identiti etnik yang tersendiri adalah agak mustahil tetapi adala penting untuk memberi tumpuan kepada kecenderungan budaya Sino-Kadazan. Oleh sebab itu, untuk mempunyai sempadan dia identiti etnik yang tersendiri adalah agak mustahil tetapi adala penting untuk memberi tumpuan kepada kecenderungan budaya yang diamalkan oleh kumpulan etnik ini.

Apabila dua etnik yang berbeza ber gabung, maka akan timbul bahasa dan sebagainya.

segi amalan budaya yang termasuk adat resam, sistem kepercayaan

1.2 Objektif Kajian

Kajian mengenai identiti etnik yang terhasil daripada perkahwinan interetnik ini adalah penting untuk menggambarkan interaksi antara pelbagai etnik yang berlainan dalam sesebuah negara yang mempunyai masyarakat yang bersifat berbilang etnik. Interaksi yang rapat melalui perkahwinan ini adalah penting untuk menggambarkan berkurangnya jurang pemisah antara kumpulan-kumpulan etnik yang berlainan yang sememangnya wujud sejak dahulu lagi. Salah satu contoh interaksi yang rapat dan terbuka ini dapat dilihat melalui perkahwinan interetnik yang berlaku antara etnik Cina dan etnik Kadazan di Sabah. Gabungan antara kedua-dua etnik ini bukan sahaja menunjukkan sikap terbuka sesuatu kumpulan etnik tetapi juga menunjukkan sikap untuk menerima etnik-etnik yang lain ke dalam kumpulan etniknya.

Walau bagaimanapun, penerimaan terhadap kumpulan-kumpulan etnik yang lain memerlukan satu proses adaptasi yang membolehkan etnik-etnik yang terlibat mengekalkan identiti masing-masing dan pada masa yang sama menyesuaikan dengan identiti etnik-etnik yang lain. Oleh yang demikian, antara objektif kajian ini adalah untuk menunjukkan bagaimana dua kumpulan etnik yang berbeza, khususnya Cina dan Kadazan melalui proses-proses adaptasi ini di samping mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam menjalani proses tersebut.

Kajian ini juga bertujuan untuk memperlihatkan perubahan budaya yang berlaku dalam kumpulan interetnik ini. Seseorang anggota dari kumpulan etnik yang lain yang berkahwin dengan anggota dari kumpulan etnik yang lain akan cenderung untuk mempelajari budaya etnik pasangannya. Ini secara tidak langsung menggalakkannya untuk memasukkan budaya etnik yang dipelajari ke dalam amalan budayanya sendiri. Ekoran daripada itu akan berlaku perubahan dalam budaya yang diamalkannya. Perubahan ini berlaku bukan sahaja kerana kemasukan budaya yang lain tetapi juga berlaku apabila seseorang berhenti daripada mengamalkan budayanya sendiri.

Objektif lain kajian ini adalah juga untuk memperlihatkan bagaimana bentuk dan isi identiti sesuatu etnik itu berubah mengikut masa dan keadaan yang tertentu. Biasanya perubahan ini adalah disebabkan oleh beberapa kepentingan dan keistimewaan yang ingin dinikmati atau sesuatu kedudukan yang ingin dicapai oleh sesuatu kumpulan interetnik itu. Ini juga bergantung terutamanya kepada faktor-faktor penting seperti faktor politik, sosial dan ekonomi. Dengan lain perkataan, kajian ini akan memperlihatkan dinamik identiti sesuatu etnik itu dan menjelaskan tentang penyempitan dan pengluasan makna dan konsep identiti tersebut.

1.3 Skop Kajian

Kajian ini pada awalnya akan tertumpu kepada masalah-masalah yang dialami oleh kaum Sino-Kadazan di Sabah. Masalah-masalah yang dialami adalah dari segi identiti mereka yang mewujudkan batasan-batasan dan halangan-halangan untuk menikmati keistimewaan dan kemudahan-kemudahan tertentu yang disediakan. Masalah-masalah ini akan membawa kepada isu-isu tentang kepentingan makna identiti bagi satu kumpulan yang telah mengalami perubahan budaya. Timbulnya kesedaran tentang masalah identiti di kalangan kaum Sino-Kadazan ini akan menyebabkan mereka berusaha untuk bersaing bagi mencapai satu kedudukan dan peluang yang sama dengan kumpulan-kumpulan etnik yang lain. Dalam pada itu, kajian ini akan memperlihatkan antara usaha-usaha yang dilakukan oleh mereka termasuklah mengubah identiti mereka sendiri dan *conform* kepada ciri-ciri budaya yang majoriti di Sabah.

Kajian tentang identiti etnik kaum Sino-Kadazan ini juga akan meliputi aspek-aspek pembinaan identiti mereka melalui perkahwinan. Ini termasuk aspek pemilihan jodoh yang berlaku sebelum perkahwinan interetnik ini terjadi. Ekoran daripada ini, kajian ini akan mengambilkira persepsi dan pandangan anggota-anggota daripada kumpulan-kumpulan etnik yang lain terhadap kumpulan ini. Ini sekaligus juga akan memperlihatkan interaksi atau perhubungan sosial antara kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza di Sabah. Kajian terhadap aspek-aspek ini juga akan membantu

untuk menjelaskan proses pemantapan dan perubahan identiti kumpulan ini di samping menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi mereka dalam mengidentifikasikan diri mereka.

Dalam mengenalpasti masalah-masalah kaum Sino-Kadazan ini, kajian ini akan meninjau kaum ini daripada dua tahap iaitu tahap dari segi kedudukan tempatan dan tahap dari segi kedudukan mereka menurut undang-undang. Tahap pertama meliputi kedudukan Sino-Kadazan di peringkat masyarakat Sabah sendiri dan tahap kedua adalah kedudukan Sino-Kadazan di peringkat kerajaan. Dalam hal ini, aspek-aspek demografi dan persejarahan dari segi sosial, ekonomi dan politik adalah penting kerana ia berkaitrapat dengan keadaan-keadaan yang mengakibatkan sesuatu perubahan dan masalah yang berlaku.

Di samping melihat ciri-ciri dinamik dalam kumpulan ini, kajian ini juga akan melihat beberapa aspek penting dalam kehidupan keluarga Sino-Kadazan itu sendiri. Ini bertujuan untuk melihat kecenderungan budaya yang diamalkan oleh kumpulan etnik Sino-Kadazan ini. Dengan lain perkataan, kajian ini akan melihat budaya yang dominan yang mempengaruhi sesuatu keluarga Sino-Kadazan itu. Jika budaya Kadazan adalah dominan, adakah terdapat ciri-ciri kecinaan yang mempengaruhi budaya itu dan begitu juga sebaliknya? Setakat manakah ciri-ciri ini masing-masing dipertahankan atau diubah untuk disesuaikan mengikut persepsi sendiri dan persepsi masyarakat?

Aspek-aspek lain yang akan dibincangkan adalah seperti agama dan kepercayaan yang diamalkan yang amat berkait rapat dengan amalan budaya. Adakah wujudnya sebarang masalah akibat daripada perbezaan agama dan kepercayaan dan bagaimanakah mereka mengendalikan masalah ini? Ini secara tidak langsung dapat memperlihatkan proses adaptasi yang berlaku dalam setiap unit keluarga Sino-Kadazan itu.

Satu lagi aspek penting yang akan dikaji ialah proses sosialisasi dalam keluarga Sino-Kadazan terutamanya dalam proses pembesaran seseorang individu. Aspek ini dilihat dari segi agen-agen sosialisasi, tahap-tahap dan tempat-tempat di mana proses ini berlaku. Kajian mengenai aspek ini akan menggambarkan mengenai pengalaman seseorang individu sebagai Sino-Kadazan dan bagaimana pengalaman ini membantunya untuk mengendalikan masalah identitinya setelah ia dewasa

Berdasarkan masalah-masalah dan aspek-aspek yang dikaji, kajian ini akan membantu untuk mencapai satu pemahaman yang jelas tentang sifat dinamik dalam identiti etnik Sino-Kadazan ini. Kajian ini juga akan dapat memperlihatkan bagaimana individu atau kumpulan etnik ini mengendalikan identiti mereka yang *ambiguous* terutamanya dalam mengatasi *tension* dan *constraints* yang timbul antara dua etnik yang berbeza.

1.4 Kajian-Kajian Lepas dan Pendekatan Teori

Kajian mengenai etnisiti telah banyak dijalankan bukan sahaja oleh pengkaji-pengkaji asing tetapi juga oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Kajian-kajian ini meliputi pelbagai aspek yang berbeza-beza dan salah satunya ialah mengenai masalah identiti dalam kumpulan etnik yang terlibat dalam perkahwinan interetnik. Susan Benson dalam bukunya yang bertajuk *Ambiguous Ethnicity: Interracial Families in London* telah membuat kajian tentang perkahwinan antara ras atau *interracial marriage* iaitu perkahwinan antara orang kulit putih dan orang kulit hitam. Anak-anak hasil daripada perkahwinan ini dikenali sebagai *half-castes*. (Benson, 1981:1)

Kajian oleh Susan Benson ini dilakukan terhadap kumpulan Anglo-Caribbean dan Anglo-African di Brixton, London. Beliau membuat kajian ini berdasarkan identiti mereka yang *ambiguous*. Di Brixton, interaksi sosial dihadkan oleh pola-pola yang dikenali sebagai *informal avoidance* yang telah mewujudkan jurang pemisahan yang ketara antara kedua-dua ras ini. Oleh itu, dalam semua peringkat, persepsi terhadap perbezaan etnik adalah berkaitrapat dengan kesedaran tentang wujudnya perbezaan fizikal dan budaya iaitu warna kulit, paras rupa, cara berpakaian, penggunaan bahasa, penampilan sosial dan amalan budaya antara kumpulan-kumpulan etnik.

Ekoran daripada itu, etnisiti merupakan penentu utama bagi identiti sosial dan ciri penting bagi perbezaan sosial. Beliau yang juga mempunyai darah campuran Afrika yang diwarisi daripada datuknya telah menjalankan kajian melalui kaedah pemertahanian turut serta. Beliau menggunakan identitinya yang juga *ambiguous* sebagai orang kulit putih berdarah Afrika untuk masuk dalam komuniti yang dikaji. Ini adalah kerana kumpulan-kumpulan Anglo-Caribbean dan Anglo-African ini mempunyai prasangka terhadap pengkaji-pengkaji luar. Bagi mereka, hanya persamaan ciri-ciri peribadi sahaja merupakan alasan yang boleh diterima untuk menjalankan kajian ke atas komuniti mereka.

Susan Benson menggunakan teori *reciprocal compensatory* yang dikemukakan oleh Robert K. Merton untuk menerangkan tentang status dan kedudukan sosio-ekonomi yang dicapai oleh sesebuah pasangan *interracial* itu. Menurutnya, kedudukan dan status yang baik boleh dicapai melalui identiti mereka sebagai orang kulit hitam berdarah Eropah. Secara keseluruhannya, kajian beliau menumpukan bagaimana satu kumpulan etnik itu mengendalikan identitinya yang *ambiguous* mengikut keadaan dan masa tertentu. Dengan lain perkataan, kajian ini memperlihatkan sifat-sifat dinamik identiti kumpulan-kumpulan tersebut.

Riaz Hassan juga telah membuat kajian mengenai etnisiti dalam bukunya yang bertajuk *Interethnic Marriage in Singapore: A Study in Ethnic Relation*. Kajian ini adalah mengenai perkahwinan

interetnik yang berlaku di kalangan masyarakat di Singapore seperti perkahwinan di antara etnik Cina dan India, Cina dan Melayu, Cina dan Serani dan sebagainya. Beliau mengkaji tentang implikasi perkahwinan interetnik itu terhadap generasi yang dihasilkan dari aspek transmisi budaya, solidariti dalam keluarga dan identiti budaya. Menurut beliau,

As a unit, the family is often viewed as a culturally homogenous phenomenon....Yet by its very nature, interethnic marriage generally brings together persons who are culturally different from each other. This characteristic introduces series of sociological implications touching on family solidarity, cultural transmission and cultural identity of the offspring of intermarriage. (Hassan, 1986:56)

Riaz Hassan menggunakan pendekatan sosiologi untuk mengkaji tentang jenis-jenis perkahwinan interetnik yang terdapat, jumlahnya dan kadar pertambahan dan pengurangan yang berlaku dari tahun-tahun sebelumnya. Salah satu kenyataan beliau ialah bahawa perkahwinan interetnik merupakan petunjuk atau indeks kepada perubahan budaya. Bagi melihat perubahan budaya ini, beliau telah menggunakan teori asimilasi yang dikemukakan oleh Milton Gordon. Teori asimilasi ini dibahagikan kepada *behaviourial assimilation* dan *structural assimilation*.

Teori *behaviourial assimilation* melibatkan peninggalan dan pengambilan sesuatu tingkah laku atau amalan budaya tertentu sebagai hasil daripada hubungan simbolik atau fizikal antara dua kumpulan yang berlainan. Manakala *structural assimilation* pula merujuk kepada kemasukan satu kumpulan etnik ke dalam satu

kumpulan etnik yang lain dari aspek organisasi sosial, kegiatan institusi dan kehidupan sosialnya (Gordon, 1961:263-285).

Di Malaysia, kajian mengenai etnisiti khasnya mengenai identiti etnik telah dilakukan oleh Mohammad Aris Othman dalam bukunya *Identiti Etnik Melayu*. Beliau mengkaji bagaimana makna Melayu berubah-ubah pada bentuk dan isinya mengikut keadaan dan tahap-thaap perhubungan etnik yang berbeza. Dalam hal ini, Melayu sebagai satu identiti membawa erti yang lebih luas daripada kumpulan etnik yang ditakrifkan dalam Perlembagaan Malaysia. Walaupun pada teorinya ia merujuk kepada orang-orang Melayu secara amnya, tapi pada praktiknya, ia juga memasukkan kumpulan-kumpulan etnik Indonesia, Darah Keturunan Arab (DKA) dan Darah Keturunan Keling (DKK) yang masih mengamalkan adat-resam masing-masing (Aris, 1986:1).

Dalam kajian ini, beliau memilih Kampung Baharu sebagai kajian kes satu komuniti Melayu sebelum mengambil mengambil kira masyarakat yang lebih besar. Teori *Structural Opposition* yang pada asalnya dikemukakan oleh Evans-Pritchard digunakan untuk menerangkan tentang pengluasan dan penyempitan makna Melayu itu. Teori ini diaplikasikan kepada komuniti Melayu untuk menggambarkan kelompok yang merasai diri mereka menganggotai satu kelompok yang eksklusif berbanding dengan kelompok-kelompok yang lain. Pengluasan dan penyempitan sesuatu kelompok ini pula bergantung kepada keadaan dan dengan siapakah orang itu berhubung. Dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa kumpulan

etnik tertentu yang berdarah Melayu cenderung untuk mengidentifikasikan diri mereka sebagai Melayu apabila berhadapan dan berhubungan dengan kelompok etnik yang berlainan.

Teori ini dapat diaplikasikan ke atas etnik Sino-Kadazan iaitu dalam mengkaji penyempitan dan pengluasan dari segi makna identiti Sino-Kadazan itu. Kajian ini akan tertumpu kepada persoalan bagaimana mereka mengidentifikasikan diri mereka. Adakah mereka akan mengidentifikasikan diri mereka sebagai etnik Cina, Kadazan atau Sino-Kadazan apabila berhubungan dengan etnik-etnik yang lain terutamanya Cina dan Kadazan sendiri?

Teori ini bukanlah untuk menerangkan tentang perubahan identiti sino-kadazan tapi lebih merupakan manipulasi identiti tersebut mengikut keadaan-keadaan yang tertentu. Dalam keadaan di mana kumpulan etnik itu menggolongkan dirinya dalam kumpulan etnik tertentu, adalah penting untuk mengkaji keistimewaan yang akan dinikmati dan pandangan masyarakat sekeliling terhadap dirinya sekiranya seseorang individu etnik itu mengidentifikasikan dirinya sebagai kumpulan etnik yang lain.

Walaupun kajian oleh Mohd. Aris ini tidak melibatkan perkahwinan interetnik tetapi kajian dari aspek dinamik identiti adalah penting untuk menjelaskan ciri ini dalam etnik Sino-Kadazan. Di Malaysia, jurang pemisahan antara kelompok-kelompok etnik masih lagi wujud disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi dan politik. Pemisahan-pemisahan ini dimanifestasikan oleh stratifikasi

dari pelbagai segi terutamanya ekonomi. Keadaan ini juga wujud di Sabah iaitu masalah stratifikasi yang dihadapi oleh etnik Sino-Kadazan dalam pelbagai bidang yang berlainan. Oleh sebab itu, teori *structural opposition* akan digunakan dalam kajian ini untuk menunjukkan perubahan makna atau isi identiti Sino-Kadazan itu sendiri apabila berhadapan dengan etnik-etnik yang lain di samping memperlihatkan ciri-ciri dinamik identiti etnik tersebut.

satu lagi kajian yang berkait penting dengan kajian mengenai etnisiti ialah kajian oleh Tan Chee Beng mengenai identiti Baba di Melaka iaitu dalam bukunya yang bertajuk *The Baba of Melaka*. Kajian beliau dijalankan dengan menggunakan kaedah pemerhatian turut serta iaitu di sekitar Malaka yang meliputi kawasan-kawasan seperti Bukit Rambai, bandar Melaka, Bandar Hilir, Batu Berendam dan Kandang. Kajian terhadap kawasan-kawasan yang berbeza ini bertujuan untuk mengesan sebarang perbezaan dari segi cara hidup mereka dan pola-pola atau bentuk interaksi yang berlaku di kalangan kumpulan Baba di Melaka.

Dalam analisisnya, Tan Chee Beng telah menggunakan konsep *acculturation* dan asimilasi untuk menjelaskan bentuk amalan budaya dan identiti Baba ini.. Selain daripada itu, tiga komponen utama yang dikemukakan oleh beliau berkaitan dengan identiti etnik ialah *label component* iaitu identiti yang dilabelkan, ciri-ciri objektif yang merupakan ciri-ciri yang boleh dilihat atau dikenalpasti dan akhirnya ciri-ciri subjektif yang merujuk kepada aspek kognitif dan psikologi dalam proses pengidentifikasi diri.

Ketiga-tiga komponen ini digunakan untuk menggambarkan keunikan identiti Baba itu sendiri dan menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan identiti dalam kumpulan ini. Dalam hal ini, beliau telah menerangkan mengenai perubahan identiti yang berlaku akibat daripada pengaruh yang banyak daripada sistem interaksi sosial dalam masyarakat, sistem politik dan sosioekonomi negara.

Secara umumnya, beliau merumuskan bahawa identiti etnik bukanlah satu entiti yang statik sebaliknya adalah dinamik. Menurut beliau juga, identiti Baba adalah terhasil daripada proses *acculturation* dan *cultural persistance*. Dalam hal ini, proses-proses ini adalah proses yang berterusan dan memerlukan pengadaptasian untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling yang sentiasa berubah dan pada masa yang sama akan menghasilkan identiti dan budaya Cina yang berubah-ubah.

Oleh yang demikian, berdasarkan kajian-kajian mengenai etnisiti tersebut, kajian mengenai Sino-Kadazan juga akan menumpukan kepada aspek dinamik identitinya. Hal ini penting terutamanya apabila dikaitkan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh kumpulan etnik ini dari segi kedudukan mereka di peringkat tempatan mahupun dalam peringkat yang lebih luas lagi. Bagi aspek asimilasi, kajian ini akan menunjukkan keupayaan etnik ini untuk menyesuaikan identitinya dengan kelompok-kelompok etnik yang lain termasuklah dalam kelompoknya sendiri.

1.5 Metodologi Penyelidikan

a. Metodologi Penyelidikan

Bagi kajian ini, pengkaji telah menjalankan kerja lapangan selama dua bulan iaitu pada bulan Mei hingga Jun 1993. Penyelidikan ini telah melibatkan berbagai-bagai pendekatan dan kaedah.

i. Pendekatan Etnografik

Pengkaji telah menggunakan pendekatan etnografik iaitu pemerhatian turut serta kerana pengkaji merupakan salah seorang anggota dalam komuniti yang dikaji dan menetap di tempat kajian. Beberapa kaedah telah digunakan dalam pendekatan ini termasuklah temubual yang berpandukan kepada *interview guide* dan mendapatkan maklumat daripada informan-informan tertentu. Pemerhatian dilakukan secara spontan iaitu dalam mana-mana keadaan dan pada bila-bila masa yang tidak ditetapkan. Ini termasuklah dari segi interaksi, kegiatan-kegiatan seharian, dalam majlis-majlis keramaian dan upacara-upacara keagamaan. Aspek-aspek yang diambil kira dalam pemerhatian ini ialah keadaan kehidupan sesebuah keluarga sino-kadazan itu dari segi amalan budaya termasuklah bahasa pertuturan, agama, interaksi dengan ahli keluarga dan masyarakat keseluruhannya.

Pemerhatian bukan sahaja terhad kepada keluarga itu sahaja tetapi juga terhadap kumpulan etnik yang lain terutamanya untuk meninjau interaksi mereka dengan etnik Sino-Kadazan itu kerana interaksi dan perhubungan di antara mereka kadangkala dipengaruhi oleh persepsi dan pandangan mereka terhadap sesuatu kumpulan itu. Berdasarkan kaedah ini, pengkaji boleh membuat rumusan atau generalisasi tentang sesuatu aspek yang ditumpukan itu dengan bantuan daripada temubual dengan responden dan informan-informan yang ada.

Temubual dengan responden diadakan secara formal dan informal. Temubual formal adalah berdasarkan tempat-tempat temubual diadakan iaitu seperti di pejabat-pejabat kerajaan dan persendirian, di sekolah dan di tempat-tempat responden bekerja. Manakala temubual informal diadakan di tempat-tempat seperti di rumah responden, di kampung atau di kedai-kedai kepunyaaan responden yang berniaga sendiri. Temubual ini diadakan terutamanya dengan responden-responden yang tidak bekerja terutamanya surirumah-surirumah dan responden-responden yang telah bersara atau bekerja sendiri. Pengkaji akan datang ke rumah-rumah responden samada melalui temujanji yang telah dibuat ataupun tanpa temujanji terlebih dahulu.

Selain daripada responden-responden itu yang ditemubual, pengkaji juga menemui beberapa ahli keluarga responden yang boleh membantu dalam memberikan maklumat dalam kajian ini iaitu seperti ibubapa responden (yang masih hidup

dan tinggal bersama responden), adik beradik dan anak-anak responden. Temubual ini adalah berdasarkan *interview guide* yang telah disediakan lebih awal yang meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan keluarga tersebut seperti tarikh dan tempat lahir, purata pendapatan, taraf pendidikan, bilangan ahli-ahli keluarga, sosialisasi anak-anak dan diri sendiri, agama, bahasa pertuturan, pemilihan jodoh, amalan budaya dan sebagainya.

Selain daripada temubual dan pemerhatian, pengkaji juga dibantu oleh informan-informan yang dikenali dan telah dipilih lebih awal dan mempunyai pengetahuan yang banyak tentang corak kehidupan komuniti yang dikaji dan tempat kajian. Informan-informan ini terdiri daripada ahli keluarga pengkaji, orang tua di kampung tersebut dan saudara mara yang rapat. Pengkaji biasanya merujuk kepada informan-informan sebelum membuat temubual-temubual tertentu dan jika terdapat sebarang yang mengelirukan atau bertentangan antara responden-responden yang berlainan.

ii. Kajian Kes.

Kajian kes dilakukan dengan mengambil beberapa buah keluarga yang mempunyai persamaan dan perbezaan yang ketara untuk menerangkan dan memperjelaskan sesuatu isu yang dianggap penting oleh pengkaji. Kajian ini bukan mewakili seluruh masyarakat di Sabah tetapi hanya menunjukkan contoh ciri-ciri identiti Sino-Kadazan di Pekan Papar. Sebanyak 22 buah kes yang telah dikaji. Responden dipilih secara *arbitrary* iaitu melalui maklumat daripada informan atau orang-orang yang dikenali.

Dengan lain perkataan, pengkaji tidak menggunakan kaedah sistematik untuk memilih responden sebaliknya hanya mengenalpasti mereka melalui saudara mara, kenalan rapat atau teman-teman kepada ahli-ahli keluarga pengkaji. Dalam melakukan kajian ini, pengkaji akan menyediakan masa yang lebih panjang dan jika perlu melibatkan temubual dengan ahli-ahli keluarganya yang lain untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan jelas.

iii. Penyelidikan Perpustakaan

Kajian-kajian dilakukan dalam perpustakaan khasnya untuk mendapatkan maklumat mengenai latarbelakang sejarah tentang kedatangan orang-orang Cina ke Sabah, khasnya di Papar, perhubungan antara orang-orang Cina dan Kadazan dan isu-isu penting yang berkaitan dengan topik kajian. Bahan-bahan yang dikaji ialah seperti buku-buku, akhbar, buku-buku cenderamata dan artikel-artikel yang tertentu. Data-data statistik seperti bilangan dan taburan penduduk serta maklumat-maklumat rasmi juga diperolehi melalui jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Perangkaan Sabah, Arkib, Muzium Negeri, Jabatan Pendaftaran, sekolah-sekolah dan Jabatan Penerangan.

b. Masalah-Masalah Penyelidikan

Masalah pertama yang dihadapi adalah pada tahap kajian awal iaitu semasa ingin memulakan kerja lapangan pengkaji menghadapi masalah untuk menetapkan tempat spesifik yang ingin dikaji. Ini adalah kerana tidak ada maklumat khas tentang taburan penduduk

Sino-kadazan di Sabah. Apabila pengkaji membuat keputusan untuk membuat kajian di kampung pengkaji sendiri, pengkaji menghadapi masalah untuk mendapatkan jumlah responden yang secukupnya. Ini adalah kerana tempat yang ingin dikaji tidak mempunyai penduduk Sino-Kadazan yang ramai. Oleh sebab itu, untuk mengatasi masalah ini, pengkaji terpaksa keluar daripada tempat kajian dan berhubung dengan kenalan-kenalan yang mempunyai maklumat mengenai penduduk Sino-Kadazan untuk menambahkan bilangan responden. Di samping itu, terdapat juga mereka yang dikenalpasti sebagai Sino-Kadazan tetapi tidak mengaku sebagai Sino-Kadazan dan enggan ditemubual. Ini mengurangkan lagi responden pengkaji.

Masalah juga dihadapi dari segi kerjasama dengan responden. Layanan dan kerjasama yang diberikan kadangkala bergantung kepada latar belakang keluarga pengkaji. Misalnya, jika responden tidak mengenali keluarga atau ibubapa pengkaji, mereka kurang memberi kerjasama. Ini adalah mungkin disebabkan kerana mereka tidak berapa memahami tentang kajian yang dijalankan dan kurang percaya terhadap pengkaji itu sendiri. Selain daripada itu, terdapat isu-isu yang menarik dan penting bagi pengkaji tetapi dianggap tidak penting atau sensitif oleh responden dan mereka enggan mengulas tentang isu-isu tersebut dengan lebih lanjut. Oleh sebab itu, untuk mengatasi masalah ini, pengkaji terpaksa mencari responden yang lain yang lebih bekerjasama untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai isu-isu tersebut. Ada juga di antara responden yang kurang memberi perhatian terhadap sesuatu aspek

yang dipersoalkan kerana mengandaikan pengkaji, sebagai seorang Sino-kadazan sudah mengetahui tentang aspek-aspek yang ingin dikaji.

Dalam melakukan penyelidikan perpustakaan, pengkaji mendapati tidak ada kajian awal yang spesifik yang dilakukan ke atas penduduk Sino-Kadazan di Sabah. Begitu juga data-data seperti taburan dan statistik mengenai bilangan sebenar penduduk Sino-Kadazan di Sabah dan di Papar khasnya. Dalam mengatasi masalah ini, pengkaji cuba memperolehi maklumat atau data-data yang umum yang mempunyai sedikit sebanyak kaitan dengan topik yang dikaji.

Nota :

¹ *Sino-Native* adalah "Chinese intermarried with indigenous people" (Kitingan, 1989: 413).

² Segala maklumat mengenai kependudukan dalam bab ini adalah dirujuk daripada artikel oleh Patricia Regis bertajuk "Demography" dalam buku *Sabah 25 Years Later 1963-1988* disunting oleh J. Kitingan dan M. Ongkili, 1989.

³ Report of Law Enactment, 1967, No. 6/1967 (Kitingan, 1989: 415)

BAB 2

LATAR BELAKANG SINO-KADAZAN DAN RESPONDEN

2.1 Latar belakang ringkas mengenai Sino-Kadazan

a. Latarbelakang Sino-kadazan di Sabah

The Chinese were a product of British rule but not equal of the British ruler, and had a superior place among North Borneon peoples but as an alien race.
(Edwin Lee, 1976:1)

Penghijrahan orang-orang Cina ke Sabah secara besar-besaran telah bermula pada tahun 1880an. Kumpulan orang Cina yang terawal datang ke Sabah adalah orang-orang Hokkien yang kebanyakannya terdiri daripada pekedai dan pedagang kemudian diikuti oleh kumpulan Hakka dan Cantoneese yang tiba antara tahun 1878 dan 1920 (Han Sin Fong, 1975:28). Penghijrahan ini adalah akibat daripada pengambilan buruh Cina secara beramai-ramai oleh Chartered Company sebagai memenuhi keperluan tenaga buruh pada masa itu. Dalam tahun 1911, hampir 28, 000 orang Cina telah ada di North Borneo (Sabah) dan adalah jelas bahawa hampir kesemuanya mempunyai tujuan untuk menetap di Sabah (Jones, 1966:41).

Ekoran daripada jumlah penduduk Cina yang begitu ramai di Sabah, tidak hairanlah jika berlaku perkahwinan campur antara orang-orang Cina dan penduduk pribumi Sabah terutamanya dengan orang Kadazan pada masa kini. Perkahwinan campur ini malah telah

berlaku sejak awal kedatangan orang Cina ke Sabah lagi. Ini adalah kerana penghijrahan awal yang berlaku hanya melibatkan orang-orang Cina lelaki sahaja kerana polisi British yang tidak menggalakkan wanita-wanita Cina berhijrah. Ini dibuktikan oleh jumlah Sino-Dusun¹ yang terdapat di North Borneo pada tahun 1962 iaitu seramai 8,000 orang (Lee Yong Leng, 1962). Menurut I.H Evans dalam bukunya *Among Primitive People*, beliau menyatakan bahawa,

should Borneo ever become largely occupied by the Chinese, it is not unlikely that a mixed race between these people and the natives of the interior would quickly arise. (Evans, 1922:34)

Owen Rutter, dalam kajiannya mendapati bahawa terdapatnya pengaruh tradisi Cina dalam beberapa aspek kehidupan orang Dusun.² Menurutnya, kesan pengaruh orang-orang Cina ditemui di kawasan Pantai Barat North Borneo terutamanya di Putatan (lebih kurang 28 KM dari Papar) dan Bundu iaitu seperti tembikar-tembikar purba yang mempunyai ukiran naga, alat muzik gong, perhiasan-perhiasan tembaga dan terutamanya sistem penanaman padinya (*wet rice cultivation*) (Rutter, 1922: 56). Beliau juga mempercayai bahawa rupa paras dan warna kulit orang-orang Kadazan yang cerah adalah hasil daripada perkahwinan campur dengan orang-orang Cina.

Menurut St. John, ramai penduduk asli daripada Klias, Padas, Membakut dan Putatan boleh bertutur dalam Bahasa Cina dengan baik yang amat jarang berlaku pada masa kini (Rutter, 1922:

56). Dalam kajiannya, Rutter juga mendapati pengaruh Cina mula berkembang apabila sebuah tongkang Cina yang membawa ramai orang Cina belayar dari Brunei dan singgah di tebing Sungai Klias. Mereka membuka kawasan tersebut dengan menjalankan penanaman lada putih dan juga berkahwin dengan wanita-wanita Dusun di kawasan tersebut. Mereka juga menghantar wang kepada saudara mara mereka di China untuk datang ke North Borneo. Akibat daripada bencana banjir dan ancaman daripada orang-orang Murut pada ketika itu, mereka telah berpindah ke kawasan yang lebih tinggi iaitu di Bundu. Di sinilah anak-anak dan waris keturunan mereka membesar sebagai orang-orang Dusun dan berlakunya *blending of culture* antara kedua-dua jenis budaya ini. Keadaan ini dapat ditunjukkan melalui amalan merayakan Tahun Baru Cina dalam sebahagian besar keluarga Dusun yang diikuti dengan upacara membakar kemenyan mengikut tradisi orang Cina. Walau bagaimanapun, tidak ada pengaruh Cina yang boleh dikesan dalam Bahasa Dusun setakat ini tetapi adalah dipercayai bahawa waris-waris daripada keturunan campuran ini cenderung untuk mewarisi bahasa pertuturan ibu mereka yang berketurunan Dusun.

Keadaan yang berlaku ini disimpulkan oleh Rutter dengan menyatakan bahawa,

....in times gone by there were Chinese settlements in various parts of the country and that the settlers, many of whom intermarried with the Dusuns....in some places left traces behind them. (Rutter, 1922:57)

Oleh sebab itu, bukan sahaja kesan-kesan pengaruh Cina yang ditinggalkan di North Borneo malah masyarakat Sino-Kadazan yang ada pada masa ini adalah hasil daripada perkahwinan campur yang telah berlaku sejak awal lagi. Kenyataan ini juga disokong oleh Han Sin Fong. Beliau menyatakan bahawa,

It is likely that a considerable number of Chinese settlers resided at various towns along the coast of Sabah, Sarawak and Brunei, and that some of them intermarried with the native women and left behind them traces both racial and cultural.
(Han Sin Fong, 1975:28)

- b. Latar belakang tempat kajian dan masyarakat Sino-Kadazannya.

Papar merupakan satu daerah pertanian yang merangkumi keluasan 480 batu persegi. Ia terletak di Pantai Barat Sabah di antara daerah Penampang dan Beaufort, manakala di sebelah timurnya adalah Tambunan, Keningau dan Tenom. Menurut Banci pada tahun 1970, bilangan peduduknya adalah seramai 34,178 orang³ dan Banci Penduduk tahun 1980 menunjukkan jumlah seramai 65,000 orang. Penduduk utamanya terdiri daripada kaum Melayu-Brunei, Bajau, Kadazan dan Cina. Penduduk-penduduk ini menganuti agama Islam, Kristian, Buddha, Pagan dan lain-lain. Suku-suku kaum yang lain termasuklah Bugis, Filipina dan India yang kebanyakannya bekerja sebagai peniaga kecil dan buruh-buruh kasar (Zakaria, 1981:26).

Dari segi peindustrian, Papar telah mencatatkan sejarah industri yang terawal di Borneo (Zakaria, 1981:28). Kilang padi yang

pertama didirikan dalam tahun 1910 oleh dua orang Jerman tetapi telah ditutup apabila Perang Dunia Pertama meletus. Industri padi kemudian diteruskan oleh penduduk-penduduk tempatan hingga ke hari ini, malah Papar merupakan daerah pertama menjalankan penanaman padi dua kali setahun. Selain daripada itu, terdapat juga kilang kasut, kilang kopi dan kilang mancis di Papar. Selain daripada kegiatan perindustrian, kegiatan penangkapan ikan di Sungai Papar juga dijalankan oleh penduduk Melayu-Brunei dan Bajau yang menjadi salah satu sumber pendapatan yang penting bagi mereka.

British mula bertapak di Papar pada 15 Julai 1946. Penempatan orang-orang Cina di daerah Papar telah bermula apabila British mula membuka ladang-ladang getah di Kimanis, Bongawan dan Kawang pada awal abad 20 dan telah membawa masuk orang-orang Cina dari Hong Kong sebagai buruh (Zakaria, 1981:27). Ini menyebabkan tumbuhnya pekan kecil di tebing Sungai Papar yang berkembang menjadi Pekan Papar yang ada sekarang. Apabila Pejabat Daerah yang pertama dibuka, Ketua Daerahnya adalah orang British yang dibantu oleh Ketua-Ketua Anak Negeri dan Kapitan-Kapitan Cina.

Dalam tahun 1810, terdapat perladangan/penanaman lada putih oleh orang-orang Cina di Brunei dan North Borneo (Rutter, 1922:56-57) dan apabila Tanah Jajahan British di Labuan telah kukuh pada tahun 1848, terdapat lebih kurang seramai 1,000 orang Cina berada di Sarawak dan orang-orang Cina juga telah mula menetap di sepanjang pantai barat North Borneo iaitu di sekitar

Papar (Rutter, 1922: 56-57). Selain daripada itu, pembinaan landasan keretapi pada tahun 1901-1905 yang menghubungkan antara Kota Kinabalu (Jesselton) ke Beaufort dan Tenom juga menyebabkan orang-orang Cina mula tertumpu di sekitar ketiga-tiga daerah itu (Han Sin Fong, 1975:67).

Walau bagaimanapun, setelah bandar-bandar seperti Kota Kinabalu dan Sandakan menjadi semakin maju dan berkembang, ramai orang Cina telah berpindah dari ketiga-tiga daerah ini. Namun demikian, adalah tidak diragukan bahawa semasa penempatan mereka di Papar dan tempat-tempat yang berdekatan seperti Beaufort, Tenom dan Putatan, telah berlaku perkahwinan campur antara orang-orang Cina tersebut dan penduduk tempatan di Papar. Menurut Ian Black dalam bukunya yang bertajuk *A Gambling Style of Government*,

In Putatan 1884, there were already 50 or 60 Chinese, many of whom had intermarried with the Kadazan people. (Black, 1980: 59)

Menurut Banci Penduduk pada tahun 1970, taburan penduduk *Sino-Native* mengikut jumlah yang teramai ialah di kawasan Pantai barat, Pedalaman, Tawau dan Sandakan masing-masing berjumlah seramai 6,873, 2,638, 337 dan 328 orang. Jumlah ini menunjukkan bahawa kawasan Pantai barat mempunyai jumlah penduduk *Sino-Native* yang paling ramai iaitu 6,873 daripada jumlah keseluruhan di Sabah iaitu 10,345 orang. Jumlah yang teramai mengikut daerah di Pantai barat ialah Penampang dengan jumlah seramai 1,396 orang dan diikuti oleh Papar iaitu seramai 951 orang. Pada masa itu,

jumlah penduduk Kadazan di Papar adalah seramai 1,138 dan penduduk Cinanya seramai 5,415 orang. Berkaitan dengan istilah *Sino-Native* ini, Patricia Regis menyatakan bahawa,

Sino-Native was first listed in 1951, showing the Chinese interaction in local population...In 1970, they numbered 10,345, most of whom were found on the west coast around Penampang and the interior residency where such mixed marriages were common. (Regis, 1989:417)

- c. Latar belakang orang-orang Cina dan Kadazan sebagai bumiputera di Sabah.

Semasa kedatangan orang-orang Cina ke North Borneo di bawah polisi Chartered Company, mereka bukan sahaja ditawarkan wang tunai tetapi juga tanah dalam kadar yang istimewa. Misalnya, 1 ekar tanah ditawarkan kepada setiap seorang dewasa dan setengah ekar bagi setiap orang kanak-kanak. Dalam tahun 1910, lebih daripada 6,000 pekerja Cina telah tiba diikuti oleh sejumlah *free passage Chinese* yang kebanyakannya terdiri daripada kumpulan Hakka yang menyertai saudara-mara untuk tinggal dikebun-kebun kecil (Jones, 1966:40). Kawasan-kawasan ini perlahan-lahan telah berkembang menjadi satu kawasan komuniti Cina terutamanya Hakka .

Perhatian yang begitu baik dan menggalakkan daripada pihak British terhadap orang-orang Cina telah menarik ramai orang Cina untuk datang dan menetap di North Borneo. Walau bagaimanapun, orang-orang Cina hanya dianggap sebagai *alien race* sahaja kerana

mereka telah mewujudkan persaingan dengan penduduk tempatan dalam segala jenis bidang. Oleh itu, *the Chinese would have to suffer from native privileges in other ways together with the implications of second class citizenship* (Edwin Lee, 1976:248). Sebagai penghijrah dan orang luar, jelaslah bahawa mereka sukar diterima sebagai bumiputera Sabah samada oleh penduduk asli di Sabah mahupun oleh undang-undang.

Walau bagaimanapun, kelonggaran telah diberikan yang mana orang-orang Cina yang berkahwin dengan penduduk asli Sabah khususnya orang Kadazan diberi peluang untuk mendapat kedudukan sebagai anak negeri iaitu melalui permohonan Sijil Anak Negeri. Kelonggaran juga diberikan oleh Pribumi sendiri iaitu mereka telah mula menerima orang-orang Cina sebagai anggota masyarakat mereka terutamanya mereka yang telah berkahwin dengan penduduk tempatan. Tambahan pula, orang-orang Cina telah muncul sebagai peniaga-peniaga dan telah memberi sumbangan kepada sebahagian besar daripada perkembangan ekonomi negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, dari sudut Sino-Kadazan itu sendiri, masih banyak lagi masalah atau halangan yang perlu ditempuhi dan dilalui untuk membolehkan mereka mempunyai taraf yang sama dengan bumiputera Sabah dan bagi mencapai taraf ini, mereka rela bersaing dan mencuba berbagai-bagai cara untuk mengatasi masalah yang menghalang mereka daripada menikmati kemudahan dan keistimewaan yang disediakan.

Menurut Hallet, dalam tahun 1940, 77% daripada orang Cina di negeri ini adalah dilahirkan di Borneo (Lee Yong Leng, 1982: 73). Jumlah pertambahan penduduk Cina di Sabah ini menunjukkan orang-orang Cina tidak lagi boleh dianggap sebagai *alien race* atau *second class citizens*. Ini adalah kerana dua pertiga daripada mereka telah dilahirkan di Sabah dan tempat ini akan menjadi tempat mereka yang tetap (Han Sin Fong, 1975:44). Begitu juga dengan kenyataan oleh Sir Roland Turnbull dalam ucapannya dalam persidangan Ketua-Ketua Anak Negeri pada Oktober 1951 bahawa *the chinese are an indispensable part of our population; they belong here....as full citizens in North Borneo* (Edwin Lee, 1975:250).

2. Latar Belakang Responden

Kajian ini merupakan kajian kes di Pekan Papar ke atas kumpulan etnik Sino-kadazan. Unit-unit responden adalah terdiri daripada individu belum berkahwin, pasangan yang sudah berkahwin, anak-anak hasil daripada perkahwinan interetnik ini dan kombinasi antara unit kedua dan ketiga yang juga dikenali sebagai keluarga nuklear. Responden-responden ini tinggal di kampung-kampung sekitar Pekan Papar iaitu Kampung Berundong, Kampung Sungai Padang, Kampung Lakut, Kampung Kinuta, Kampung Kuala dan Kampung Novoung. Selain daripada itu, selebihnya adalah responden yang tinggal di luar daripada Pekan Papar seperti Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Kepayan, Kota Belud dan Tambunan yang mana separuh daripada mereka dilahirkan di Papar tetapi

telah berpindah. Sebahagian daripada responden yang menetap di Papar adalah berasal daripada daerah-daerah yang berlainan seperti Beaufort, Tenom, Penampang, Tanjung Aru dan sebagainya. Mereka menetap di Papar setelah berkahwin dengan orang Papar dan kerana berpindah mengikut keluarga. Manakala mereka yang dilahirkan di Papar berpindah ke tempat lain kerana sebab yang sama dan sebab pekerjaan.

Pengkaji memilih responden-responden ini berdasarkan ciri-ciri campuran etnik Cina dan Kadazan di dalam keluarga mereka. Dengan lain perkataan, pengkaji mengidentifikasi mereka sebagai Sino-Kadazan berdasarkan konsep ini. Dalam hal ini, ada di antara responden yang pada mulanya tidak ingin bekerjasama kerana tidak menerima konsep ini dan tidak mengkategorikan diri mereka sebagai Sino-kadazan. Oleh sebab itu, pengkaji mendapati agak sukar untuk mencari satu asas yang tetap untuk mengidentifikasi seorang Sino-Kadazan. Ini juga kerana telah berlakunya pertindihan etnik-etnik yang berlainan daripada generasi-generasi yang lalu.

Jadual 1 yang berikut menunjukkan status etnik responden yang terdiri daripada beberapa jenis campuran etnik yang berlainan. Keadaan ini menunjukkan bahawa perkahwinan interetnik telahpun berlaku sejak generasi yang lebih awal lagi. Ciri-ciri inilah yang menjadikan identiti etnik Kadazan *ambiguous*.

Jadual 1: Campuran Etnik Setiap responden

Status Etnik ayah	Status Etnik Ibu	Bilangan Responden
Cina	Sino-kadazan	2
Sino-Kadazan	Kadazan	5
Kadazan	Sino-Kadazan	1
Sino-Kadazan	Sino-kadazan	3
Cina	Kadazan	8
Kadazan	Cina	3
	Jumlah	22

Peringkat umur responden adalah di antara lapanbelas tahun sehingga enam puluh dua tahun. Taraf pendidikan mereka adalah daripada darjah enam sehingga ke peringkat Ijazah. Kebanyakan mereka bekerja dengan jabatan-jabatan kerajaan, sektor persendirian dan bekerja sendiri seperti petani, pemandu teksi dan tukang jahit. Terdapat juga responden yang terdiri daripada pelajar dan surirumah dan pesara. Mereka yang bekerja dengan kerajaan terdiri daripada guru, kerani, Juruteknik, Pegawai Perhubungan Awam dan Pembantu Tadbir. Manakala mereka yang bekerja dengan sektor swasta terdiri daripada Agen Insuran dan Pengurus. Taraf pendapatan secara keseluruhan adalah daripada RM 400.00 sehingga RM 5,000.00 sebulan. Jenis pekerjaan dan taraf pendapatan mereka adalah penting untuk menggambarkan penglibatan dan tahap pencapaian mereka dalam pelbagai bidang.

Dari segi agama, hampir 80% daripada responden adalah beragama Kristian. Terdapat tiga orang responden yang mengamalkan 'agama Cina'⁴. Pengkaji menggunakan istilah ini kerana konsep agama mereka adalah berbeza dengan konsep agama seperti Kristian dan Islam. Agama yang mereka amalkan adalah seperti satu sistem yang amat berkait rapat dengan cara hidup dan budaya mereka yang diwarisi daripada generasi-generasi lepas. Ia boleh terdiri daripada campuran antara agama-agama seperti Buddha, Tao dan Confucius atau bukan daripada ketiga-tiganya. Oleh itu, adalah sukar untuk mengklasifikasikan mereka ke dalam satu jenis agama. Istilah ini akan digunakan sepenuhnya dalam penulisan ini untuk merujuk agama responden-responden yang berkenaan.

Begitu juga dengan dua orang responden Kadazan yang bukan beragama Kristian, Islam mahupun Cina. Pengkaji akan merujuk mereka sebagai mengamalkan 'agama tradisional Kadazan' kerana amalan agama mereka yang banyak tertumpu kepada amalan adat-istiadat, upacara-upacara agama yang tradisional dan kepercayaan-kepercayaan lama yang diwarisi daripada generasi-generasi yang lepas.

Dari segi bahasa, bahasa pertuturan yang paling luas digunakan ialah Bahasa Melayu Sabah⁵ dan Bahasa Kadazan di samping Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris. Data-data mengenai agama dan bahasa pertuturan ini akan digunakan untuk menjelaskan mengenai ciri-ciri budaya yang diamalkan oleh mereka dan

seterusnya memperlihatkan proses adaptasi yang berlaku di dalam unit-unit keluarga Sino-Kadazan ini.

Nota:

¹ Istilah 'Dusun' digunakan sebelum dan semasa penjajahan British oleh pihak British dan setelah merdeka. Istilah ini secara rasmi telah digantikan dengan istilah 'Kadazan' (Regis, 1989:415).

² Owen Rutter menggunakan istilah 'Dusun' sebagai merujuk orang-orang kadazan.

³ Laporan Banci Penduduk dan Perumahan, Sabah, 1970 dan 1980.

⁴ "Chinese religion is part and parcel of Chinese ways of life, a Chinese tradition inherited from the ancient past" (Tan Chee Beng, 1983: 217).

⁵ Bahasa Melayu Sabah adalah Bahasa Malaysia yang dipertuturkan dengan loghat Sabah oleh penduduk Sabah.

BAB 3


IDENTITI ETNIK SINO-KADAZAN

3.1 Pembinaan Identiti Sino-Kadazan melalui Perkahwinan dan Keturunan


Perkahwinan yang merupakan proses yang berterusan dan melibatkan unit-unit sosial yang tertentu dalam sesebuah masyarakat yang tertentu memainkan peranan yang penting dalam membina sesebuah identiti Sino-Kadazan itu. Keturunan daripada individu atau unit keluarga yang seterusnya juga penting dalam proses pembinaan identiti Sino-Kadazan ini. Identiti Sino-Kadazan terbentuk apabila individu daripada etnik Kadazan mengahwini individu dari etnik Cina atau sebaliknya.

Walau bagaimanapun, dalam konteks ini, apabila sesebuah perkahwinan interetnik ini berlaku, ia hanya melibatkan hubungan antara individu dengan individu dan bukannya antara satu kelompok etnik dengan satu kelompok etnik itu. Namun demikian, apabila perkahwinan sedemikian berkembang menjadi satu amalan yang meluas dalam kedua-dua kumpulan etnik tersebut, maka ia akan melibatkan penyertaan yang lebih ramai lagi iaitu sehingga ke tahap kelompok etnik itu sendiri. Oleh yang demikian, proses yang penting dalam pembinaan identiti tersebut adalah perkahwinan. Ini dapat dijelaskan berdasarkan Rajah 2a dan Rajah 2b di bawah.


Rajah 2a Encik YCY



Rajah 2b Puan LL



Rajah 2c Encik RC



$C = \text{Cina}$
 $K = \text{Kadazan}$
 $SIK = \text{Sino-Kadazan}$
 $\Delta = \text{Lelaki}$
 $O = \text{Perempuan}$
 $\sqsubset = \text{berkahwin}$
 $* = \text{menggugurkan nama Cina.}$

Di kalangan responden, identiti yang terbina daripada perkahwinan ini terdiri daripada beberapa bentuk umum yang akan dijelaskan berdasarkan rajah-rajab tersebut. Dalam rajah 2a, Encik YCY mengidentifikasi dirinya berdasarkan nisab ibu iaitu Sino-

Kadazan. Dalam kes ini, nama Cina tidak mempengaruhi Encik YCY kerana beliau telah mengekalkan nama Cinanya. Beliau tidak mengidentifikasi dirinya sebagai Cina mengikut etnik ayahnya kerana beliau tidak mengikut konsep nisab ayah. Beliau juga bangga dengan identiti sebagai Sino-Kadazan itu. Identiti Sino-kadazan berkekalan sehingga ke generasi yang seterusnya dengan berlakunya perkahwinan-perkahwinan dengan etnik Sino-Kadazan yang lain. Dalam kes ini, kita dapat melihat satu keadaan yang berupaya menggalakkan perkembangan unit-unit keluarga Sino-Kadazan kepada kelompok yang lebih besar lagi.

Dalam rajah 2b, Puan LL mengidentifikasi dirinya berdasarkan konsep nisab ayah iaitu berdasarkan etnik ayahnya. Kes ini tidak menggambarkan perkembangan identiti Sino-Kadazan yang menggalakkan kerana perkahwinan-perkahwinan dengan etnik Kadazan telah perlahan-lahan melenyapkan identiti campuran Cina-Kadazan itu. Selain daripada status wanita Puan LL yang tidak berapa penting untuk mengekalkan identiti Sino-Kadazan itu, ahli-ahli lelaki dalam keluarganya juga telah bertindak melenyapkan identiti Sino-Kadazan dengan membuang nama Cinanya dan mengamalkan cara kehidupan orang Kadazan. Dalam kes ini, pengkaji hanya mengambil salah satu contoh ahli keluarga lelaki dalam keluarga Puan LL seperti yang ditunjukkan dalam rajah.

Dalam rajah 2c, Encik RC juga mengidentifikasi dirinya berdasarkan konsep nisab ayah iaitu Sino-Kadazan. Walau bagaimanapun, beliau tidak mengekalkan identiti Sino-kadazan ini

kepada generasi anak-anaknya kerana desakan faktor polisi kerajaan yang lebih kuat menyebabkan beliau tidak menurunkan nama Cinanya kepada anak-anaknya. Dalam kes ini, kita dapat bagaimana identiti Sino-Kadazan hanya dapat dikekalkan pada satu generasi sahaja. Namun demikian, ada kemungkinan berlakunya perkahwinan antara anak-anak Encik RC dengan orang-orang Sino-Kadazan yang lain dan seterusnya dapat meneruskan dan memperkembangkan identiti Sino-kadazan ini.

Sebagai kesimpulannya, terdapat satu prinsip asas yang digunakan oleh seseorang individu untuk mengidentikasikan dirinya iaitu berdasarkan konsep nisab ayah. Walau bagaimanapun, selain daripada faktor-faktor dalaman, terdapat faktor-faktor luaran yang kuat untuk mengubah keadaan ini. Dalam hal ini, prinsip asas dan faktor-faktor dalaman serta luaran adalah penting untuk mempengaruhi keturunan atau generasi yang seterusnya dalam proses pembinaan identiti Sino-kadazan iaitu dari segi perkembangan unit-unit keluarga Sino-kadazan itu untuk membentuk satu kelompok etnik Sino-kadazan yang lebih besar.

3.2 Aspek Pemilihan Jodoh

Salah satu proses yang agak penting sebelum berlakunya sesebuah perkahwinan ialah proses pemilihan jodoh. Apabila seseorang individu bercadang untuk berkahwin dengan individu daripada kumpulan etnik yang lain, perkara yang perlu

dipertimbangkan bukanlah masalah untuk menyertai sesebuah kumpulan etnik itu tetapi masalah untuk berinteraksi dan menjadi sebahagian daripada anggotanya secara fizikal dan psikologikal. Selain daripada itu, perkara-perkara seperti masa depan individu, persepsi masyarakat, status kedudukan dan khususnya identiti individu itu juga harus diambilkira. Oleh sebab itu, pasangan atau jodoh seseorang itu adalah sangat penting sekali.

Aspek pemilihan jodoh atau pasangan dalam konteks kajian ini ini dipengaruhi oleh dua faktor utama. Pertamanya ialah corak pemilihan jodoh yang diamalkan. Kedua ialah ekspektasi pasangan di antara satu sama lain terhadap perkahwinan interetnik itu. Secara umumnya terdapat beberapa bentuk pemilihan jodoh yang biasanya diamalkan. Di antaranya ialah pemilihan yang dilakukan oleh ibu-bapa atau yang dirancangkan sejak kecil lagi, pertemuan melalui orang tengah seperti teman-teman rapat atau saudara mara dan akhirnya pilihan sendiri. Walaupun pada zaman dahulu, perhubungan sosial adalah tidak bebas apalagi perhubungan sosial di antara kelompok etnik yang berlainan tetapi kes ini agak menarik kerana hampir kesemua responden menemui pasangan mereka berdasarkan pilihan mereka sendiri. Pilihan sendiri di sini bermaksud pilihan yang tidak menerima bantahan daripada keluarga terutamanya ibu-bapa walaupun berlainan etnik. Responden-responden menemui pasangan mereka melalui interaksi dan kegiatan-kegiatan sehari-hari di kampung, semasa majlis-majlis keramaian dan upacara-upacara tertentu serta di tempat-tempat bekerja.

Responden yang menemui pasangan mereka melalui pilihan mereka sendiri tidak berapa mengambil berat tentang perbezaan etnik pada masa itu. Ini berlaku terutamanya bagi pasangan yang berkahwin sebelum Malaysia merdeka terutamanya sebelum perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Ini adalah kerana selepas tempoh tersebut, jurang pemisahan antara kumpulan-kumpulan etnik telah wujud akibat daripada polisi-polisi kerajaan yang baru terutamanya dari segi kedudukan dan kemudahan-kemudahan sosial dan ekonomi yang ditawarkan. Institusi-institusi sosial seperti sekolah, pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan sebagainya juga memberi peluang kepada kedua-dua kumpulan etnik untuk mempunyai perhubungan sosial yang lebih terbuka.

Selain daripada itu, dari segi agama, terdapat orang-orang Cina dan Kadazan yang menganut agama yang sama iaitu agama Kristian. Oleh sebab itu, faktor kecenderungan untuk memilih pasangan daripada agama yang sama juga mendorong kepada perkahwinan sedemikian. Responden-responden juga menggalakkan anak-anak mereka untuk memilih pasangan mereka sendiri tanpa mempunyai *preference* dari segi etnik sebaliknya menegaskan dari segi agama.

Walaupun perkahwinan antara orang Cina dan Kadazan telah berlaku sejak pemerintahan British lagi tetapi orang Cina pada masa itu masih dianggap sebagai 'orang luar' atau *alien race* dan *second class citizen*. Walau bagaimanapun pandangan tersebut telah

perlahan-lahan berubah. Ini adalah kerana pada masa ini, orang-orang Cina telah menjadi semakin maju terutamanya dalam bidang perniagaan dan telah menunjukkan keupayaan yang baik dalam mencapai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Di samping bilangannya yang semakin ramai, pencapaian mereka yang baik dalam pelbagai bidang juga telah perlahan-lahan menghapuskan pandangan negatif atau sikap 'tidak mahu menerima orang luar' ini. Sebaliknya kebanyakannya responden merasa bangga dengan identiti sebagai 'peranakan Cina'.

Selain daripada identiti, orang-orang Kadazan juga merasa beruntung untuk menjadi sebahagian daripada anggota dalam kumpulan etnik Cina kerana pengetahuan mereka dalam bidang perniagaan. Seorang responden, Encik WYB, berpendapat bahawa beliau sangat bertuah kerana mempunyai ayah seorang Cina. Ayahnya bukan sahaja telah mengajarnya banyak hal tentang perniagaan tetapi secara tidak langsung telah menanam semangat dan minat dalam bidang perniagaan. Hal ini baginya sangat berguna dalam kerjayanya sebagai seorang Pengurus. Walau bagaimanapun, dari aspek budaya, beliau tidak mengamalkan cara hidup orang Cina kerana pengaruh Kadazan yang kuat daripada ibu dan isteri serta penduduk kampungnya.

Bagi orang-orang Cina perkahwinan dengan penduduk Pribumi Sabah khasnya dengan orang Kadazan merupakan satu peluang yang baik untuk menikmati keistimewaan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan serta untuk mempunyai taraf sebagai

bumiputera yang sama dengan golongan Pribumi yang lain. Ini merupakan ekspektasi mereka apabila berkahwin dengan penduduk tempatan.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa wujudnya semangat etnosentrisme di kalangan kedua-dua etnik ini yang menghalang mereka daripada 'keluar' daripada kumpulan etnik mereka. Menurut seorang informan Cina (Hakka), Encik MC, orang Cina Hakka mempunyai kehidupan yang sederhana dan mereka perlu berjuang lebih kuat untuk mempunyai taraf yang sama dengan kelompok-kelompok Cina yang lain. Perkahwinan dengan golongan etnik yang lain adalah sukar diterima dalam kelompok etnik mereka. Namun demikian, setelah begitu banyak kemajuan yang berlaku dan keperluan-keperluan lain yang lebih penting, sikap mereka semakin terbuka.

Oleh yang demikian, selain daripada faktor sejarah, terdapat dua faktor utama yang juga menggalakkan perkahwinan interetnik ini. Faktor pertama, kedua-dua kumpulan etnik, sememangnya bangga dengan identiti mereka sebagai 'peranakan Cina'. Faktor kedua, kedua-dua kumpulan etnik ini masing-masing mempunyai ekspektasi sendiri terhadap perkahwinan interetnik ini.

3.3 Identiti Etnik dari Perspektif Individu dan Masyarakat

a. Faktor-faktor Pengidentifikasi Diri

Status etnik bagi kebanyakan responden adalah sangat kompleks dan rumit. Oleh sebab itu sukar untuk mengklasifikasikan mereka atau menentukan identiti mereka. Ini disebabkan telah berlakunya pertindihan etnik yang berlainan melalui generasi-generasi yang terdahulu.

Jadual 3 yang berikut dapat menjelaskan bagaimana faktor-faktor seperti perspektif individu dan masyarakat umum serta konsep Sino-Kadazan itu sendiri dapat mempengaruhi pengidentifikasi diri setiap responden. Seseorang individu itu mempunyai perspektifnya sendiri mengenai konsep identiti Sino-Kadazan. Oleh itu, mereka bebas untuk mengidentifikasi diri mereka berdasarkan faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi mereka. Dalam hal ini, pengaruh ibubapa, pasangan masing-masing dan komuniti di sekelilingnya serta pandangan positif dan negatif masyarakat yang kolektif terhadap identiti seseorang individu itu memainkan peranan yang amat penting. Bagi kumpulan etnik Sino-kadazan ini, kadangkala identitinya adalah berdasarkan kepada identiti yang diberikan oleh masyarakat secara keseluruhannya.

Oleh yang demikian, untuk memahami bagaimana individu-individu Sino-Kadazan mengidentifikasi diri mereka, adalah perlu untuk memahami faktor-faktor penting yang

mempengaruhi mereka. Jadual 3 ini merupakan jadual status etnik responden-responden dan ibubapa mereka, pasangan mereka, identiti yang mereka berikan kepada anak-anak mereka dan diri mereka sendiri. Dalam jadual ini, kita dapat melihat bagaimana pengaruh identiti ayah dan ibu serta pasangan masing-masing yang berbeza-beza terhadap identiti responden sendiri dan seterusnya identiti anak-anak mereka.

Jadual 3 : Klasifikasi Etnik dan Identiti

Responden	Etnik Ayah	Etnik Ibu	Etnik Pasangan	Identiti Anak	Identiti Responden
En. YCY	Cina	Sino-Kad.	Sino-Kad.	Sino-Kad.	Sino-Kad.
Pn. LMF	Cina	Kadazan	Kadazan	Kadazan	Sino-Kad.
En. RC	Sino-Kad.	Kadazan	Kadazan	Kadazan	Sino-Kad.
Pn. ND	Kadazan	Sino-Kad.	Cina	Sino-Kad.	Kadazan
En. KAF	Cina	Kadazan	Kadazan	Sino-Kad.	Sino-Kad.
Pn. AS	Cina	Kadazan	Kadazan	Kadazan	Sino-kad.
En. RL	Cina	Kadazan	Kadazan	Sino-Kad.	Sino-Kad.
Pn. GK	Sino-Kad.	Kadazan	Sino-Kad.	Sino-Kad.	Kadazan
En. TCM	Cina	Sino-Kad.	-	-	Cina
En. ACR	Kadazan	Cina	-	-	Sino-Kad.
En. YCH	Sino-Kad.	Sino-Kad.	Cina	-	Sino-Kad.
Pn. LL	Sino-Kad.	Kadazan	Kadazan	Kadazan	Sino-Kad.
En. WYB	Cina	Kadazan	Kadazan	Kadazan	Kadazan
En. BGL	Kadazan	Cina	-	-	Sino-Kad.
En. SC	Sino-Kad.	Kad/Dusun	-	-	Sino-Kad.

En. SYH	Sino-Kad.	Sino-Kad.	-	-	Sino-Kad.
En. ATT	Sino-Kad.	Kadazan	Sino-Kad.	Kadazan	Kadazan
Pn. JC	Cina	Kadazan	Kadazan	Kadazan	Sino-Kad.
Cik JML	Kadazan	Cina	-	-	Kadazan
En. WW	Cina	Kadazan	Kadazan	Sino-Kad.	Sino-Kad.
En. SAP	Sino-Kad.	Sino-Kad.	Kadazan	Kadazan	Kadazan
Cik FC	Cina	Kadazan	-	-	Sino-Kad.

Berdasarkan Jadual 3 tersebut, responden pertama iaitu Encik YCY yang mempunyai ayah Cina dan ibu Sino-Kadazan mengidentifikasi dirinya sebagai Sino-kadazan dan bukan Cina walaupun darah keturunan Cinanya adalah dominan dan beliau sendiri mempunyai nama Cina. Beliau berpendapat bahawa darah campuran Kadazan di dalam keluarganya merupakan ciri utama identitinya sebagai Sino-Kadazan dan apabila beliau berkahwin dengan seorang Sino-Kadazan juga, beliau telah memberikan identiti ini kepada anak-anaknya.

Bagi Puan LL yang mempunyai ayah Sino-Kadazan dan ibu Kadazan, beliau tidak ingin dikategorikan sebagai Sino-Kadazan kerana pengaruh Kadazan yang begitu kuat daripada ibu dan suaminya serta orang-orang di sekelilingnya tetapi oleh kerana konsep kerajaan yang mengklasifikasikan seorang individu berdasarkan etnik ayahnya maka secara langsung Puan LL dikategorikan sebagai Sino-kadazan. Walau bagaimanapun, disebabkan nama Cinanya, identiti beliau telah dipersoalkan semasa

memohon untuk melabur dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB). Oleh itu beliau terpaksa melalui beberapa prosedur tertentu untuk mengesahkan bahawa beliau mempunyai taraf bumiputera. Oleh sebab itu, beberapa ahli lelaki dalam keluarga beliau telah bertindak menggugurkan nama Cina mereka.

Lapan orang responden lain yang mempunyai pandangan yang serupa dengan Puan LL ialah Puan ND, Puan GK, Encik WYB, Encik SYH, Encik Att, Puan JC, Cik JML dan Encik SAP. Walau bagaimanapun, masing-masing dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berbeza. Bagi Puan ND yang mempunyai ayah Kadazan dan ibu Sino-Kadazan, beliau tidak langsung dipengaruhi oleh ibubapanya sebaliknya lebih banyak mendapat pengaruh Kadazan daripada orang-orang kampung tempat beliau tinggal. Pekerjaan beliau sebagai penjual 'tapai' (minuman keras tradisional Kadazan) di kampungnya menyebabkan beliau lebih banyak berinteraksi dengan orang-orang Kadazan dan ini secara langsung juga melibatkan suaminya yang berketurunan Cina.

Bagi Encik WYB dan Encik ATT pula, mereka lebih dipengaruhi oleh polisi kerajaan yang memberi kesan-kesan tertentu terhadap mereka dan keluarga mereka. Encik SAP telah mengalami kesulitan dan halangan untuk mendapatkan peluang untuk melanjutkan pelajarannya ke luar negeri dalam bidang penerbitan kerana disebabkan nama Cinanya beliau tidak dianggap sebagai bumiputera walaupun beliau adalah seorang Sino-Kadazan. Masalah ini telah dapat diatasi setelah beliau bertindak menggugurkan nama

Cinanya. Halangan yang serupa dihadapi oleh Encik ATT dalam memohon bantuan biasiswa bagi anak-anaknya dan beliau telah mengambil tindakan yang sama untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Dari segi status etnik juga, responden yang mempunyai ayah Cina dan ibu Kadazan harus dibezakan dengan responden yang mempunyai ayah Kadazan dan ibu Cina. Ini adalah kerana terdapat pendapat yang mengatakan bahawa status etnik seorang anak haruslah berdasarkan kepada status etnik ayahnya. Berdasarkan kepada pendapat ini, jika seseorang individu mempunyai ayah Cina dan ibu Kadazan, status etniknya ialah Cina dan bukan Sino-Kadazan, manakala jika ayahnya ialah Kadazan dan ibunya Cina, maka status etniknya ialah Kadazan dan bukan Sino-Kadazan.

Walau bagaimanapun, secara umumnya, masyarakat akan mengidentifikasi seseorang yang mempunyai ayah Cina dan ibu Kadazan sebagai Sino-Kadazan. Keadaan ini dapat digambarkan dalam kes Puan LMF, Encik KAF, Puan AS, Encik RL, Encik WYB, Puan JC, Encik WW dan Cik FC yang berada dalam kategori Cina-Kadazan. Manakala dalam kategori Kadazan-Cina adalah Encik BGL, Cik JML dan Encik ACR.

Bagi kategori pertama, kesemuanya mengidentifikasi diri mereka sebagai Sino-kadazan kecuali Encik WYB dan dalam kategori kedua ialah Cik JML yang lebih mengikut kepada identiti ayahnya sebagai Kadazan. Bagi kes kategori kedua, keadaannya

adalah lebih fleksibel. Dia bebas mengidentifikasi dirinya sebagai Kadazan atau Sino-Kadazan pada bila-bila masa dan keadaan. Walau bagaimanapun, tidak semua individu dalam kategori ini yang mengidentifikasi dirinya sebagai Kadazan mengamalkan sepenuhnya cara hidup Kadazan sebaliknya pengaruh budaya Cina adalah lebih dominan. Ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi dalam bab yang seterusnya.

Secara keseluruhannya, di kalangan 22 orang responden ini, tujuh orang mengidentifikasi diri mereka berdasarkan identiti ayah mereka. Empat orang telah menukar identiti mereka secara sah sama ada dilakukan oleh mereka sendiri ataupun oleh generasi-generasi yang terdahulu daripada mereka. Dua orang responden tidak mengidentifikasi diri mereka sebagai Sino-Kadazan dan sembilan orang mengidentifikasi diri mereka sebagai Sino-Kadazan menurut konsep campuran darah Cina-Kadazan atau Kadazan-Cina tanpa mengambil kira identiti ayah mereka.

Pendek kata, pengidentifikasi diri banyak dipengaruhi oleh pandangan dan pengaruh masyarakat sekeliling selain daripada pandangan individu itu sendiri yang mengambil kira faktor-faktor penting seperti campuran darah etnik, amalan budaya, identiti ayah, desakan polisi kerajaan dan pengaruh individu-individu tertentu. Faktor-faktor ini jugalah merupakan salah satu sebab yang menjadikan identiti Sino-Kadazan ini *ambiguous*. Berdasarkan faktor-faktor ini juga, kita dapat melihat dinamik identiti Sino-Kadazan itu.

b. Pemantapan dan Perubahan Identiti Sino-Kadazan

Pemantapan dan perubahan identiti Sino-Kadazan adalah bergantung kepada peranan individu-individu tertentu atau unit-unit keluarga dalam kumpulan etnik tersebut. Dalam hal ini, terdapat kecenderungan yang kuat untuk bergantung kepada identiti lelaki atau ayah dalam proses pemantapan identiti ini. Selain daripada itu, kehadiran etnik baru iaitu etnik Cina dalam sesebuah unit keluarga Sino-kadazan memainkan peranan yang penting dalam proses perubahan identiti Sino-kadazan.

Secara umumnya, pemantapan identiti boleh berlaku dengan berlakunya perkahwinan antara kedua-dua etnik ini secara berterusan dan meluas. Pemantapan juga boleh berlaku dengan mengekalkan status etnik sebagai Sino-Kadazan dalam unit-unit keluarga Sino-Kadazan hingga ke generasi-generasi seterusnya. Jika kedua-dua proses ini tidak berlaku, maka akan berlaku perubahan kepada identiti tersebut dan mungkin perlahan-lahan akan melenyapkan identiti tersebut.

Pemantapan dan perubahan identiti Sino-Kadazan ini dapat digambarkan dalam Rajah 4 yang berikut yang menggambarkan setiap kes responden. Penjelasan kepada kes-kes ini harus sentiasa merujuk kepada faktor-faktor pengidentifikasi diri yang telah dibincangkan.

Sebagai kesimpulannya, perkahwinan merupakan satu proses asas dalam membina identiti Sino-kadazan dan untuk melahirkan satu kumpulan etnik Sino-Kadazan yang ada pada masa kini. Pengidentifikasi diri sebagai Sino-Kadazan juga merupakan satu perkara yang subjektif yang bergantung kepada beberapa faktor penting termasuklah faktor polisi kerajaan yang mempengaruhi peluang-peluang golongan Sino-kadazan ini untuk menikmati kemudahan atau keistimewaan sebagai bumiputera Sabah.

Berdasarkan kepada Rajah 4 di atas, pengkaji juga dapat menyimpulkan bahawa faktor utama yang mengekalkan identiti Sino-Kadazan itu adalah peranan nisab ayah yang kemudiannya dimantapkan oleh perkahwinan-perkahwinan daripada unit-unit keluarga Sino-kadazan yang lain. Manakala perubahan dalam identiti tersebut adalah disebabkan oleh tindakan-tindakan yang dilakukan untuk melenyapkan identiti itu secara sengaja akibat daripada desakan terhadap keperluan ekonomi, sosial dan sebagainya. Perubahan juga disebabkan oleh perkahwinan-perkahwinan yang berlaku dengan etnik-etnik lain. Walau bagaimanapun, pemantapan dan perubahan identiti ini lebih banyak bergantung kepada peranan individu dan unit-unit keluarga dalam kumpulan etnik itu sendiri.

3.4 Dinamik Identiti Sino-kadazan

Berdasarkan kepada perbincangan mengenai pembinaan identiti Sino-Kadazan melalui perkahwinan dan bagaimana identiti tersebut berubah atau dikekalkan sehingga berkembang menjadi identiti yang mantap, kita boleh mengesan bahawa terdapatnya *identity shift* yang berlaku dalam beberapa tahap atau keadaan yang berbeza bagi kumpulan etnik ini. Dua tahap atau keadaan yang jelas yang dapat dijadikan sebagai panduan untuk melihat dinamik identiti Sino-Kadazan ini ialah tahap tempatan atau lokal dan tahap kerajaan. Dalam kedua-dua tahap ini, dinamik identiti sentiasa dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman yang telah dibincangkan iaitu faktor nisab ayah dan ibu serta faktor-faktor luaran seperti keluarga-keluarga lain atau komuniti di sekeliling dan dasar kerajaan yang memerintah.

Konsep Sino-Kadazan pada peringkat tempatan adalah konsep yang diterima oleh masyarakat secara keseluruhannya. Konsep Sino-Kadazan secara umumnya adalah merujuk kepada konsep 'peranakan Cina' iaitu campuran antara Cina dengan penduduk asli atau tempatan. Jika dibandingkan antara kaum Baba di Melaka yang juga merupakan salah satu kelompok 'peranakan Cina' yang agak menonjol dengan kelompok 'peranakan Cina' Sino-Kadazan, jelas terdapat banyak perbezaan yang dapat dilihat.

Menurut Tan Chee Beng, kelompok ini mengidentifikasi diri mereka sebagai 'Baba' atau 'peranakan'.

Mereka dikategorikan dalam kumpulan *Chinese Peranakan* (Peranakan Cina) yang mana menurutnya, "*Chinese Peranakan are not only local-born Chinese in Indonesia, Malaysia and Singapore, they are distinctive Chinese population which have their own Chinese Peranakan culture.*" (Tan Chee Beng, 1988:16). Walaupun Baba di Melaka dan Sino-Kadazan di Sabah mempunyai satu ciri yang sama iaitu kedua-duanya adalah hasil daripada perkahwinan campur antara orang Cina dengan penduduk asli atau tempatan tetapi ciri-ciri identiti kedua-duanya dapat dibezakan melalui ciri-ciri budaya mereka yang telah mengalami proses campuran budaya.

Di antara ciri-ciri utama Baba Melaka akibat daripada proses campuran budaya ini yang secara langsung dapat menunjukkan pengaruh yang kuat daripada budaya Melayu ke atas budaya Cina ialah dari segi bahasa iaitu mereka bertutur dalam Bahasa Melayu loghat Baba (*Baba style Malay*) atau Melayu Baba. Mereka juga memasak masakan-masakan orang Melayu, malah makan dengan menggunakan tangan dan memakai pakaian tradisi orang-orang Melayu seperti Sarong dan Kebaya yang mempunyai fesyen mereka yang tersendiri. Ini jelas memperlihatkan campuran antara dua budaya dalam amalan budaya Baba Melaka.

Selain daripada itu, dari segi agama, terdapat kaum Baba yang terdiri daripada perkahwinan antara orang-orang Islam dan Cina. Ini berbeza dengan kaum Sino-Kadazan yang biasanya terdiri daripada mereka yang beragama Kristian dan Cina atau sama agama. Ini jelas menunjukkan bahawa kaum Baba mempunyai halangan

atau masalah dari segi agama. Oleh yang demikian, walaupun kedua-dua kelompok ini adalah sama kerana tergolong dalam kumpulan 'peranakan Cina' tetapi ciri-ciri identiti dan faktor-faktor yang mempengaruhi konsep kedua-dua kumpulan ini adalah berbeza.

Dalam konteks Sino-Kadazan, salah satu faktor yang mempengaruhi konsep Sino-kadazan ialah faktor budaya. Jika seseorang Sino-kadazan mengamalkan budaya Kadazan dengan sepenuhnya ditambah lagi dengan suasana kehidupannya di dalam lingkungan Kadazan, individu itu akan cenderung mengenal dirinya sebagai Kadazan dan bukan Sino-kadazan. Begitu juga jika seseorang Sino-kadazan (menurut konsep campuran darah) yang tidak mempunyai nama Cina (*surname*), dia tidak akan mengenal dirinya sebagai Sino-kadazan.

Perubahan identiti ini juga bergantung kepada corak atau tahap perhubungan etnik dan kelompok-kelompok etnik dalam mana perhubungan ini berlaku. Sekiranya seorang Sino-kadazan berjumpa dengan seorang Sino-kadazan yang lain atau berada dalam satu kelompok majoriti Sino-Kadazan, dia akan mengenal dirinya sebagai Sino-Kadazan malah merasa bangga dengan identiti tersebut. Walau bagaimanapun, apabila seorang Sino-kadazan berada dalam satu kelompok etnik Kadazan, dia akan cuba menyesuaikan dirinya supaya diterima dalam lingkungan tersebut. Ini dilakukan dengan mengenalkan dirinya sebagai Kadazan dan cuba bertutur dalam bahasa mereka.

Faktor nisab ayah merupakan asas terpenting bagi seseorang Sino-Kadazan untuk mengidentifikasi dirinya . Walaupun seseorang itu mempunyai campuran Cina dan Kadazan tetapi jika pihak ayah adalah Kadazan dan ibu adalah Cina, maka individu ini akan mengenalkan dirinya atau dikenalpastikan oleh masyarakat sebagai Kadazan iaitu mengikut etnik ayahnya. Ini amat berkait rapat dengan faktor nama. Jika ayahnya adalah seorang Cina dan ibunya adalah Kadazan, nama Cina tersebut secara langsung akan dijadikan sebagai asas untuk mengenalpasti seorang Sino-Kadazan. Dalam hal ini, nama merupakan indikator yang terpenting untuk mengenalpasti seseorang Sino-Kadazan.

Pada peringkat yang lebih luas lagi iaitu pada tahap kerajaan, seseorang akan mengambilkira faktor polisi kerajaan yang memerintah pada waktu itu untuk mengidentifikasi dirinya. Kedudukan seorang penduduk asli adalah berbeza dengan kedudukan seorang Sino-kadazan iaitu dari segi menikmati kemudahan dan keistimewaan yang disediakan oleh kerajaan. Begitu juga peluang-peluang dalam bidang pekerjaan, kenaikan pangkat, biasiswa, perniagaan, pelaburan, tanah dan sebagainya.

Sewaktu pemerintahan British, kerajaan lebih memberikan perhatian kepada orang-orang Cina yang merupakan golongan penghijrah kerana tenaga buruh mereka dan mutu pekerjaan mereka yang produktif, tetapi selepas merdeka, kerajaan telah membuat polisi baru yang memberikan beberapa

keistimewaan kepada golongan bumiputera yang bertujuan untuk melindungi dan memelihara hak-hak penduduk asli di samping berusaha untuk memajukan kehidupan mereka. Pemisahan yang jelas dari segi ekonomi, sosial maupun politik ini jelas memperlihatkan pentingnya taraf sebagai bumiputera itu. Bagi kumpulan etnik Cina, taraf sebagai bumiputera ini dapat dicapai dengan berkahwin dengan penduduk asli atau tempatan Sabah yang kemudian akan dikenali sebagai Sino-Kadazan dan dikategorikan sebagai pribumi. Namun demikian pada peringkat ini, apabila seseorang Sino-Kadazan menghadapi sebarang masalah dalam beberapa aspek ini, dia akan cenderung untuk tidak mengidentifikasikan dirinya sebagai Sino-Kadazan.

Jika makna dan konsep Sino-kadazan pada peringkat tempatan mengambilkira faktor campuran darah, budaya, nama dan nisab ayah yang diterima oleh masyarakat keseluruhannya maka konsep Sino-kadazan pada peringkat yang lebih luas lagi lebih menekankan konsep yang diterima rasmi oleh kerajaan yang memerintah pada waktu itu. Pada peringkat ini, Sino-kadazan bukanlah satu kelompok yang dikonsepsikan berdasarkan interaksi atau perhubungan etnik mahupun amalan budayanya sebaliknya adalah berdasarkan syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Dalam keadaan ini, dinamik identiti adalah agak tidak jelas memandangkan perubahan identiti yang kurang cenderung.

Dengan lain perkataan, adalah tidak mudah untuk melakukan perubahan identiti pada peringkat kedua kerana harus

melalui beberapa prosedur yang telah ditetapkan. Contohnya, seorang Sino-kadazan yang ingin menukar identitinya sebagai Kadazan harus mengemukakan sebab-sebab dan bukti-bukti yang sah serta meyakinkan kepada pihak kerajaan. Selain daripada itu, perubahan identiti pada peringkat ini juga memerlukan jangkamasa yang panjang iaitu perubahan yang disebabkan oleh faktor-faktor sejarah dan faktor polisi kerajaan yang berubah-ubah.

Walau bagaimanapun, terdapat pertindihan faktor bagi kedua-dua tahap ini iaitu dari segi faktor nama dan faktor nisab ayah. Ini adalah kerana pada tahap kedua, kedua-dua faktor ini boleh dijadikan sebagai syarat-syarat utama untuk menukar identiti seseorang, misalnya daripada seorang Cina kepada seorang Sino-Kadazan atau daripada Sino-kadazan kepada Kadazan. Contohnya, seorang yang dikenalpastikan sebagai Cina berdasarkan namanya boleh melabur dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) hanya kerana identiti ayahnya adalah Sino-kadazan. Dengan lain perkataan, identiti si ayah boleh menyebabkan identiti si anak diabaikan. Begitu juga dengan seorang Sino-kadazan yang mempunyai *surname* Cina boleh mengubah identitinya sebagai Kadazan dengan hanya menggugurkan nama Cina tersebut.

Jika dibandingkan antara kedua-dua tahap ini, perubahan identiti pada tahap pertama adalah lebih fleksibel kerana ia boleh berlaku pada bila-bila masa dan mana-mana keadaan yang diingini. Dalam hal ini, ia lebih tertumpu kepada keadaan-keadaan di mana berlakunya perhubungan sosial dengan kelompok-kelompok

etnik yang berbeza-beza. Dengan lain perkataan, pada tahap pertama, perubahan identiti adalah bersifat *situational* iaitu perubahan identiti yang berlaku pada ketika perhubungan sosial atau interaksi itu berlaku. Manakala pada tahap yang kedua, perubahan identiti adalah tidak fleksibel tetapi agak rasmi dan merupakan sesuatu yang kekal.

Pendek kata, perubahan identiti Sino-Kadazan boleh dilihat daripada pengalaman seseorang individu Sino-Kadazan berdasarkan tiga peringkat. Pertama ialah pada peringkat penglabelan identiti yang biasanya merujuk kepada ciri-ciri campuran darah antara Cina dan Kadazan. Kedua ialah pada peringkat subjektif yang mana individu mempunyai perspektif dan pandangannya sendiri tentang identiti Sino-Kadazan itu. Ketiga ialah pada peringkat objektif iaitu identiti Sino-Kadazan yang telah diberikan beberapa ciri tertentu untuk dijadikan asas untuk mengenalpasti seseorang Sino-Kadazan.

BAB 4

PROSES ADAPTASI BUDAYA DALAM KELUARGA SINO-KADAZAN

4.1 Kecenderungan Amalan Budaya dalam Keluarga Sino-Kadazan

Budaya merupakan satu bahagian penting dalam sesuatu kajian identiti etnik. Budaya selalu dijadikan sebagai satu simbol utama bagi sesuatu identiti. Secara teorinya, seseorang itu bebas untuk mengamalkan mana-mana budaya atau menganuti apa sahaja agama. Walau bagaimanapun, secara praktiknya, perkara ini jarang berlaku terutamanya dalam kelompok kaum seperti Sino-Kadazan yang terdiri daripada gabungan dua jenis budaya etnik yang berbeza. Ini kerana perbezaan di antara kedua-dua jenis budaya etnik itu akan menimbulkan masalah dan persoalan untuk memilih salah satu budaya yang harus diamalkan. Seterusnya budaya ini akan dijadikan sebagai salah satu ciri identiti dan sempadan etnik bagi kelompok tersebut.

Oleh kerana masalah untuk menetapkan satu sempadan etnik dan identiti budaya yang tersendiri, maka adalah penting untuk mengkaji kecenderungan budaya atau budaya yang dominan dalam sesebuah kelompok keluarga Sino-kadazan itu. Kajian ini seterusnya akan dapat memberi gambaran tentang proses adaptasi yang berlaku dalam keluarga atau masyarakat ini.

Jadual 5 yang berikut merupakan senarai yang menunjukkan secara ringkas kecenderungan amalan budaya dalam keluarga dalam setiap responden termasuk aspek-aspek perayaan, agama dan bahasa.

Jadual 5 : Kecenderungan Amalan Budaya

Responden	Amalan Budaya	Perayaan	Agama	Bahasa
En. YCY	Cina	CNY	Cina	BM,Cina&Kad.
Pn. LMF	Cina	CNY,K'mas&PK	Kristian	BM,Cina&Kad.
En. RC	Cina + Kad.	CNY,K'mas&PK	Kristian	BM,Kad.&Cina
Pn. ND	Kad. + Cina	CNY & PK	A. T. K	BM & Kad.
En. KAF	Kad. + Cina	CNY & PK	A. T. K	BM, Kad., BI
Pn. AS	> Cina + Kad.	CNY&K' mas	Kristian	BM,Kad.&Cina
En. RL	Cina + Kad.	K'mas & CNY	Kristian	BM & Cina
Pn. GK	Kadazan	K' mas & PK	Kristian	BM & Kad.
En. TCM	Cina	CNY	Cina	Cina,BM&Kad.
En. ACR	> Cina + Kad.	K'mas & CNY	Kristian	BM & Cina
En. YCH	Cina	CNY	Cina	BM & Cina
Pn. LL	Kadazan	K' mas & PK	Kristian	Kad. & BM
En. WYB	Kadazan	PK & K' mas	Kristian	BM & Kad.
En. BGL	> Cina + Kad.	K'mas & CNY	Kristian	BM & Cina
En. SC	Kadazan	K' mas & PK	Kristian	BM & Kad.
En. SYH	Kadazan	K' mas & PK	Kristian	BM
En. ATT	<Kad.+ <Cina	CNY,K'mas & PK	Kristian	BM, BI & Kad.

Pn. JC	Kadazan	K' mas & PK	Kristian	BM, Kad. & BI
Cik JML	Kad. + Cina	K'mas & CNY	Kristian	BM & Cina
En. WW	>Kad.+ <Cina	K'mas & CNY	Kristian	BM & Cina
En. SAP	Cina + < Kad.	CNY&K' mas	Kristian	BM & Kad.
Cik FC	>Kad.+< Cina	K'mas & CNY	Kristian	B.M & Cina

> = dominan/cenderung
 < = kurang/sedikit
 Kad. = Kadazan
 BM = Bahasa Melayu Sabah
 A.T.K = Agama Tradisi Kadazan

BI = Bahasa Inggeris
 CNY = *Chinese New Year/Tahun Baru Cina*
 K' Mas = Krismas
 PK = Pesta Kaamatan/*Harvest Festival*

Bagi menjelaskan data-data dalam Jadual 5 ini, kita boleh merujuk maklumat yang terdapat dalam Jadual 1 sebelum ini. Dalam Jadual 1, kategori pertama adalah terdiri daripada campuran Cina+Sino-Kadazan. Kedua-dua responden dalam kategori ini iaitu Encik YCY dan TCM mempunyai kecenderungan ke arah budaya Cina. Ini termasuklah merayakan Tahun Baru Cina dengan mengikuti tradisi dan pantang-larang semasa perayaan tersebut seperti membahagi-bahagikan Ang Pau dan tidak boleh menyapu rumah. Keadaan ini mungkin juga dipengaruhi oleh agama Cina yang mereka anuti. Walau bagaimanapun, oleh kerana kedua-dua responden ini tinggal di kampung yang mempunyai ramai penduduk Kadazan, maka mereka juga cenderung untuk melibatkan diri dalam upacara keramaian orang Kadazan seperti Pesta Kaamatan. Encik TCM juga boleh bertutur dalam Bahasa Kadazan kerana pekerjaannya sebagai peniaga kain di Pekan Papar memerlukan dan menggalakkan beliau untuk mempelajari bahasa tersebut.

Kategori kedua ialah campuran Sino-Kadazan+Kadazan yang terdiri daripada Encik RC, Puan GK, Puan LL, Encik ATT dan Encik SC. Dalam kategori ini, darah keturunan Kadazan adalah dominan dalam setiap keluarga responden. Kesemua responden dalam kategori ini mempunyai kecenderungan ke arah pengaruh budaya Kadazan kecuali Encik RC. Keadaan ini berlaku kerana peranan ibu yang lebih dominan dalam membesarkan Encik RC termasuklah pergaulan yang lebih rapat dengan saudara mara di sebelah ibu. Bagi kes Puan GK, beliau terpengaruh dengan budaya Kadazan kerana pengaruh datuknya yang telah membuang nama Cinanya dan memilih untuk mengikut tradisi budaya Kadazan yang diamalkan oleh ibunya [Rujuk Rajah 4 (8)]. Identiti Kadazan ini diteruskan oleh ibu Puan GK sendiri yang juga mengahwini seorang Kadazan.

Bagi kes Puan LL, beliau tidak menerima pengaruh Cina daripada ayahnya kerana ayahnya telah meninggal dunia sejak beliau masih kecil lagi. Setelah beliau berkahwin dengan seorang yang berketurunan Kadazan, ciri-ciri budaya Cina yang sememangnya kurang diamalkan dalam keluarganya telah beransur-ansur hilang. Walau bagaimanapun, beliau telah menghantar salah seorang anaknya ke sekolah Cina dengan tujuan supaya ada di antara anaknya yang boleh bertutur dalam Bahasa Cina. Encik SC juga menerima pengaruh Kadazan yang dominan daripada datuk dan ibunya, malah ayahnya telah mempelajari Bahasa Kadazan daripada rakan-rakannya di kampung dan daripada ibu Encik SC sendiri. Encik SC lebih banyak mempelajari tradisi budaya Kadazan daripada

keluarga ibunya dan orang-orang kampung seperti membuat 'tapai', menari tarian tradisional Kadazan, berbahasa Kadazan dan sebagainya. Keluarga mereka malah dianggap sebagai sebahagian daripada anggota dalam kumpulan etnik Kadazan.

Bagi kes Encik RC, sebagai seorang Sino-Kadazan, beliau yang telah berkahwin dengan seorang Kadazan masih ingin mengekalkan ciri-ciri budaya tradisi Cina di dalam keluarganya. Ini termasuklah seperti menghantar anak-anaknya ke sekolah Cina, menggunakan istilah kekeluargaan Cina dan merayakan Tahun Baru Cina. Beliau tidak menetapkan satu budaya yang dominan sebaliknya ingin menyeimbangkan amalan kedua-dua budaya tersebut. Walaupun bagi beliau identiti sebagai Sino-Kadazan adalah penting tetapi kerana menyedari masalah-masalah dan halangan yang akan dihadapi oleh anak-anaknya nanti, nama Cina beliau tidak diberikan kepada anak-anaknya. Dari segi amalan budaya, keluarganya cuba menyesuaikan diri dengan menyeimbangkan amalan kedua-dua jenis budaya etnik itu.

Kategori ketiga yang terdiri daripada campuran Kadazan+Sino-Kadazan terdiri daripada seorang responden sahaja iaitu Puan ND. Walaupun Puan ND bersuamikan seorang Cina tetapi ciri-ciri budaya Kadazan yang diamalkan sejak kecil masih dominan dalam keluarganya. Ini ditambah lagi dengan pergaulan sehariannya yang banyak dengan penduduk kampung yang terdiri daripada majoriti orang kadazan. Walau bagaimanapun, Puan ND dan suaminya menyesuaikan kedua-dua jenis budaya etnik ini dengan

menggalakkan anak-anak mereka mengamalkan kedua-dua jenis budaya ini.

Dalam beberapa kes, apabila responden mengidentifikasi dirinya sebagai Sino-Kadazan seperti responden dalam kategori Sino-Kadazan+Sino-Kadazan, mereka lebih cenderung untuk mengamalkan tradisi budaya Cina. Keadaan ini jelas terutamanya apabila responden itu berkahwin dengan seorang Cina dan kedua-duanya beragama Cina. Contohnya dalam kes Encik YCH. Encik YCH malah telah berpindah mengikut isterinya untuk tinggal bersama-sama keluarga isterinya.

Bagi kes Encik SAP yang telah menggugurkankan nama Cinanya, meskipun beliau tidak ingin mengidentifikasi dirinya sebagai Sino-kadazan tetapi keluarganya cenderung untuk mengamalkan tradisi budaya Cina seperti merayakan Tahun Baru Cina dan Hari 'Ching Meng' iaitu sembahyang kubur mengikut adat-istiadat Cina kerana meneruskan tradisi amalan ibubapanya. Beliau juga cenderung menceburkan diri dalam bidang perniagaan seperti ayahnya di samping kerjayanya sebagai Pembantu Penerbit. Ini merupakan salah satu ciri-ciri orang Cina yang dikaguminya. Walaupun hampir kesemua anaknya telah berkahwin dengan orang Kadazan, beliau masih inginkan agar ciri-ciri identiti Cina dalam keluarganya tidak hilang. Bagi menyesuaikan diri dengan kedua-dua budaya etnik ini, beliau bersikap lebih fleksibel iaitu beliau menerima dan mengikut amalan budaya orang yang berinteraksi dengannya atau mengikut kepentingan sesuatu amalan itu.

Kategori yang mempunyai responden yang paling ramai ialah kategori Cina+Kadazan yang terdiri daripada Puan LMF, Encik KAF, Puan AS, Encik RL, Encik WYB, Puan JC, Encik WW dan Cik FC. Hampir separuh daripada mereka memilih untuk mengamalkan tradisi budaya Kadazan. Tiga daripada responden tersebut dipengaruhi oleh pasangan masing-masing dan selebihnya adalah dipengaruhi oleh ibubapa dan rakan sebaya daripada pergaulan seharian. Puan LMF yang menerima pengaruh budaya Cina sejak kecil lagi daripada ayahnya tidak mempunyai banyak masalah untuk menyesuaikan diri dengan adat-istiadat dan kepercayaan orang kadazan yang diamalkan oleh suaminya. Ini adalah kerana setelah berkahwin beliau cenderung mempelajari budaya Kadazan daripada suaminya untuk menggalakkan anak-anaknya mengamalkan budaya yang sama.

Encik KAF pula tidak berapa mengambil berat tentang memilih jenis budayanya kerana beliau hanya mengikut tradisi yang diamalkan oleh ibubapanya yang lebih cenderung ke arah Kadazan. Tambahan pula, isteri beliau juga adalah seorang Kadazan. Bagi kes Puan AS pula, ayahnya yang berasal dari Hong Kong telah meninggal dunia semasa beliau berumur tigabelas tahun lagi. Namun demikian, beliau telah banyak mempelajari adat-istiadat dan pantang larang orang Cina daripada ayahnya. Misalnya pantang-larang selepas bersalin, memilih hari baik untuk berkahwin atau berpindah dan upacara pengkbumian menurut kepercayaan orang Cina telah diajarkan kepada anak-anaknya.

Keadaan yang sebaliknya dialami oleh Puan JC yang juga kehilangan ayah semenjak kecil lagi. Bagi kes Puan JC, oleh kerana ketiadaan ayahnya, beliau lebih rapat dengan ibunya dan terpengaruh dengan amalan budaya Kadazan. Walaupun beliau mempunyai paras rupa seperti orang Cina tetapi beliau menghadapi masalah untuk berinteraksi dengan rakan-rakan sekerjanya yang berketurunan Cina kerana tidak pandai bertutur dalam Bahasa Cina dan beliau merasa 'tidak diterima'. Dalam hal ini, beliau telah mengantar anak-anaknya ke sekolah Cina untuk mempelajari Bahasa Cina kerana merasakan kepentingannya dalam dunia pekerjaan kelak.

Masalah dalam memilih satu jenis budaya etnik yang harus diamalkan jelas dihadapi oleh ibubapa Cik FC yang terdiri daripada campuran Cina+Kadazan. Keadaan ini berlaku apabila kedua-dua pihak ibubapa mereka mengkehendaki mereka mengikut adat-istiadat perkahwinan daripada budaya masing-masing. Dalam mengatasi masalah ini, ibubapa Cik FC telah mengikut kedua-dua adat-istiadat perkahwinan tersebut iaitu separuh adat-istiadat Cina dan separuh adat-istiadat Kadazan di tempat iaitu selepas melaksanakan upacara perkahwinan di gereja. Semasa perayaan-perayaan Cina, hanya ayah Cik FC sahaja yang merayakannya menurut tradisi yang sepatutnya. Dalam menghadapi keadaan ini, Cik FC cuba menyesuaikan diri dengan mempelajari kedua-dua jenis budaya daripada ibubapanya.

Kategori terakhir iaitu kategori Kadazan+Cina terdiri daripada Encik ACR, Cik JML dan Encik BGL. Kedua-dua Encik ACR dan BGL menerima pengaruh Cina yang dominan daripada keluarga ibu mereka, malah mereka boleh bertutur dalam beberapa jenis dialek Cina dan menjadikannya sebagai salah satu bahasa pertuturan di rumah. Mereka tidak mempunyai masalah untuk menyesuaikan diri dengan budaya yang satu lagi kerana mempunyai ramai kawan yang berketurunan Kadazan dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kebudayaan Kadazan seperti membuat persembahan tarian tradisional Kadazan. Begitu juga dengan Cik JML yang mempunyai pendidikan asas di sekolah Cina dan terlibat dengan aktiviti-aktiviti kebudayaan Kadazan di tempat pengajiannya serta mempunyai rakan-rakan keturunan Kadazan yang ramai telah memudahkan beliau untuk menyesuaikan diri dalam lingkungan budaya yang berlainan.

Hasil daripada perbincangan berdasarkan Jadual 5, kita boleh membuat kesimpulan bahawa walaupun terdapat responden yang mengamalkan satu jenis budaya etnik sahaja tetapi secara tidak langsung mereka juga dipengaruhi oleh budaya etnik Kadazan dan etnik-etnik lain terutamanya apabila berinteraksi dengan komuniti lain di sekitarnya dan keluarga-keluarga *extended* yang lain. Jadual 6 merupakan kesimpulan yang terhasil daripada kajian terhadap kecenderungan amalan budaya setiap responden. Berdasarkan jadual ini juga kita dapat meramalkan pengaruh-pengaruh dominan yang diterima oleh setiap responden. Jadual ini dihasilkan berdasarkan Jadual Campuran Etnik dalam Jadual 1.

Jadual 6: Pengaruh Campuran Etnik terhadap Kecenderungan Amalan Budaya

Campuran Etnik	Bilangan responden	Kecenderungan Amalan Budaya (Bil. Responden)
Cina + Sino-Kad.	2	Cina (2)
Sino + Kad.-Kad.	5	Cina & Kad. (1) Kad. & Cina(1) Kadazan(3)
Kad. + Sino-Kad.	1	Kad. & Cina(1)
Sino-Kad. + Sino-Kad.	3	Cina(1) ; Kad.(1) Cina & Kad.(1)
Cina + Kad.	8	Cina(1) ; Kad.(2) Cina & Kad.(2) Kad. & Cina(3)
Kad. + Cina	3	Kad. & Cina(1) Cina & Kad.(2)

Berdasarkan Jadual 6, kita boleh membuat kesimpulan bahawa jenis budaya yang diamalkan lebih banyak dipengaruhi oleh etnik ayah. Ini dapat dilihat dalam kategori 1 iaitu kedua-dua responden adalah mengikut budaya etnik ayah mereka. Dalam kategori 2, dua responden mengamalkan kedua-dua jenis budaya yang mana biasa dilakukan oleh seseorang Sino-Kadazan. Walaupun tidak dominan tetapi penagruh ayah juga boleh dilihat dalam kategori-kategori yang lain. Secara keseluruhannya, daripada dua puluh dua orang responden, sebanyak enam orang menerima pengaruh yang dominan daripada pihak ayah dan selebihnya

menerima pengaruh sama ada daripada ibu ataupun kedua-duanya.

Berdasarkan Jadual 5 juga, kita dapat perhatikan bagaimana bahasa yang merupakan salah satu entiti budaya yang terpenting tidak semestinya selaras dengan budaya yang diamalkan. Ini dapat dijelaskan berdasarkan aliran pendidikan responden dan corak interaksinya sejak kecil hingga sekarang. Di antara dua puluh dua orang responden itu, dua belas orang boleh bertutur dalam Bahasa Cina dan sembilan orang daripada mereka mempunyai asas pendidikan Cina. Walau bagaimanapun, dua orang daripada sembilan orang tersebut tidak boleh bertutur dalam Bahasa Cina. Oleh sebab itu, adalah sukar untuk menentukan satu sempadan etnik dan identiti Sino-Kadazan berdasarkan amalan budaya mereka.

4.2 Pengaruh Faktor Agama dalam Proses Adaptasi Budaya

a. Sesama Agama

Agama memainkan peranan yang penting dalam membantu seseorang untuk mengadaptasikan dirinya dalam sesebuah kelompok etnik yang berbeza. Contohnya seorang Cina yang beragama Kristian lebih mudah untuk memasuki sebuah kelompok etnik lain yang majoritinya beragama Kristian. Ini menyediakan interaksi dan perhubungan etnik yang lebih terbuka terutamanya semasa menjalankan upacara agama ataupun aktiviti-

aktiviti keagamaan. Agama juga boleh dijadikan sebagai satu simbol untuk mengidentifikasi diri seseorang supaya berada di dalam satu kelompok yang sama walaupun etnik berbeza. Keadaan ini adalah lebih berkesan jika ahli-ahli dalam kelompok itu mempunyai etnik dan agama yang sama. Oleh yang demikian, dalam konteks ini, selain daripada amalan budaya, etnik dan agama boleh dijadikan asas identiti dalam membentuk satu kelompok etnik. Dengan lain perkataan, agama boleh dijadikan sebagai asas perpaduan antara etnik-etnik yang berbeza dan mewujudkan sikap yang terbuka atau sikap 'mahu menerima'.

Selain daripada menjadi asas perpaduan, agama juga mempunyai pengaruh penting terhadap seseorang untuk menyesuaikan dirinya dalam satu-satu lingkungan budaya yang berbeza. Bagi kajian ini, responden-responden adalah beragama Kristian, Cina dan mengamalkan agama tradisi Kadazan. Dalam memilih satu jenis budaya etnik yang harus diamalkan yang biasanya dijadikan asas untuk mengidentifikasi diri, seseorang akan mengambilkira faktor agama dalam membuat pemilihan itu. Misalnya, seorang Cina yang beragama Kristian tidak akan mengamalkan adat-istiadat tradisi budaya Cina sepenuhnya jika tidak bersesuaian dengan agama yang dianutinya. Begitu juga dengan seseorang Sino-Kadazan yang beragama Kristian atau Cina tidak akan mengamalkan tradisi, pantang-larang dan adat-istiadat serta kepercayaan Cina atau Kadazan dengan sepenuhnya.

b. Berlainan Agama

Dalam membincangkan pengaruh agama terhadap proses adaptasi, adalah penting juga untuk melihat bagaimana keluarga atau pasangan yang mempunyai agama yang berbeza dapat menyesuaikan diri dengan agama masing-masing. Perbezaan agama dalam keluarga atau antara pasangan Sino-Kadazan boleh menggambarkan bagaimana mereka membuat keputusan untuk mengikut amalan agama yang dianuti. Agama merupakan antara perkara yang sensitif dan penyesuaian antara pihak-pihak yang terlibat adalah perlu untuk mengekalkan keharmonian keluarga. Dalam sebuah pasangan yang terdiri daripada gabungan antara agama Kristian dengan yang mengamalkan agama tradisi Kadazan, pihak yang mengamalkan agama tradisi Kadazan cenderung untuk mengamalkan adat-istiadat dan kepercayaan-kepercayaan lama. Dalam keadaan ini akan cenderung untuk berlaku pertentangan antara kepercayaan lama dengan kepercayaan agama Kristian.

Dalam konteks kajian ini, satu kes responden yang boleh menggambarkan penyesuaian antara dua agama yang berbeza ialah pasangan Encik KAF (A.T.K) dan isterinya Puan CA (Kristian). Kedua-dua ibubapa Encik KAF adalah mengamalkan adat-istiadat tradisi Kadazan dan mereka tidak berapa mengambil berat tentang hal-hal yang berkaitan dengan agama. Mereka lebih menekankan kepada adat-istiadat dan pantang-larang nenek moyang mereka.

Encik KAF yang telah dibesarkan dalam lingkungan adat-istiadat tradisi Kadazan juga tidak mengambil berat tentang hal-hal agama, malahan apabila berkahwin dengan Puan CA yang beragama Kristian, beliau tidak memeluk Kristian dan tidak melangsungkan perkahwinan di gereja. Bagi Puan CA, untuk menyesuaikan diri, beliau tidak memaksa suaminya untuk memeluk agamanya tetapi beliau sendiri masih tetap menganuti agama Kristian. Contohnya, beliau masih pergi ke gereja pada setiap hari Ahad dan apabila merayakan Hari Krismas, mereka merayakannya bersama-sama suaminya.

Satu contoh lain yang boleh memperlihatkan perkaitan antara agama dengan proses adaptasi budaya ialah kes Encik RL. Encik RL adalah beragama Kristian seperti ibunya dan ayahnya serta beberapa orang ahli keluarganya yang lain beragama Buddha. Encik RL yang mempunyai campuran Cina+Kadazan lebih mengambil kira faktor agama untuk menyesuaikan diri dengan amalan budaya keluarganya. Ini jelas semasa beliau melangsungkan perkahwinannya. Beliau telah berkahwin dengan seorang Kadazan yang beragama Kristian. Selepas melangsungkan upacara perkahwinannya di gereja, beliau telah mengikuti sebahagian daripada adat-istiadat upacara perkahwinan orang Cina iaitu Upacara meminum Teh. Ini dilakukan atas permintaan ahli-ahli keluarganya yang bukan seagama dengannya yang sebahagian besarnya mengamalkan adat-istiadat Cina dan beragama Buddha. Begitu juga semasa ayah beliau meninggal dunia, seluruh keluarganya telah menjalankan upacara pengkebumian mengikut tradisi orang-orang

Cina. Berdasarkan kes ini, jelas menunjukkan bahawa perlunya melakukan penyesuaian antara agama dan amalan budaya.

Dalam konteks kajian ini, berdasarkan agama mereka juga, kita boleh meramalkan arah kecenderungan amalan budaya mereka. Contohnya Encik TCM yang mempunyai ayah Cina dan ibu Sino-kadazan. Semua ahli keluarganya beragama Cina dan kesemua ahli keluarganya mengamalkan tradisi budaya Cina. Walau bagaimanapun, agama tidak boleh dijadikan prinsip asas untuk mengenalpasti amalan budaya sesebuah keluarga. Contohnya dalam kes Puan AS, ayahnya adalah beragama Cina begitu juga Puan AS dan ayahnya banyak mengajarnya tentang pantang-larang dan atau istiadat orang-orang Cina. Setelah ayahnya meninggal dunia, beliau diambil sebagai anak angkat oleh sebuah keluarga Kadazan (Kristian) dan beliau telah memeluk agama Kristian tetapi dalam keluarganya sekarang, beliau banyak mengikut dan mengamalkan beberapa adat-istiadat orang Cina yang diketahuinya.

Bagi kes Puan JC pula, kedua-dua ibubapanya adalah beragama Cina tetapi mereka lebih cenderung mengamalkan cara hidup orang Kadazan dan setelah ayahnya meninggal dunia, Puan JC dan ibunya serta beberapa ahli keluarganya yang lain telah memeluk agama Kristian. Ayah Cik FC yang berketurunan Cina dan telah memeluk agama Kristian semasa berkahwin juga masih mengamalkan adat-istiadat dan kepercayaan orang Cina. Ayah Cik FC masih mengamalkan adat-istiadat sembahyang kubur pada hari 'Ching Meng'; mengamalkan tradisi orang Cina pada hari 'Kou Loung

Yah' pada setiap bulan September yang mana mereka hanya boleh memakan makanan berbentuk sayur-sayuran sahaja selama sembilan hari dan beliau juga merayakan Tahun Baru cina.

Sebagai kesimpulannya, agama memainkan peranan yang penting untuk mempengaruhi proses penyesuaian dalam sesebuah keluarga atau kelompok etnik. Agama dapat membantu untuk menyatukan anggota-anggota yang mempunyai etnik yang berbeza. Ciri-ciri budaya Sino-Kadazan yang *ambiguous* membolehkan dan memudahkan penyesuaian anggota-anggota dalam kumpulan etnik ini walaupun mempunyai agama yang berbeza.

Salah satu faktor yang menyebabkan kurangnya berlaku pertentangan atau konflik antara dua agama yang berbeza dalam kumpulan etnik ini ialah kerana *preference* mereka untuk berkahwin dengan pasangan yang sama agama. Sikap ini telah menyebabkan berlakunya perkahwinan antara pasangan Sino-kadazan yang menganuti agama yang sama. Oleh sebab itu, dalam konteks kajian ini, perbezaan agama tidak mendatangkan masalah yang besar dalam sesebuah keluarga Sino-kadazan terutamanya dalam proses pengadaptasian budaya, malah agama yang memperkuatkan lagi identiti etnik tersebut.

Hasil daripada proses adaptasi juga, kita boleh melihat arah kecenderungan pengaruh agama yang dominan bagi responden-responden yang berkahwin dengan pasangan yang berlainan agama dan responden yang mempunyai ibu-bapa yang berlainan agama.

Secara keseluruhannya, responden-responden yang beragama Cina cenderung untuk mengadaptasikan diri mereka ke arah agama Kristian tetapi bukan sebaliknya. Dalam hal ini, tidak terlihat pengaruh yang ketara daripada pihak ayah atau ibu kerana kebanyakan responden yang menukar agama adalah setelah mereka berkahwin atau setelah ibu atau ayah mereka meninggal dunia. Walau bagaimanapun, terdapat juga responden yang telah mencapai persetujuan secara diplomasi untuk mengamalkan agama masing-masing tanpa bertujuan untuk mempengaruhi satu sama lain.

4.3 Proses Sosialisasi dalam Sino-Kadazan

Sosialisasi merujuk kepada proses perkembangan di mana seseorang itu mempelajari sesuatu tingkahlaku, nilai dan sikap sesebuah kumpulan etnik dan melihat dirinya sebagai salah seorang ahli dalam kumpulan itu. Kajian dalam aspek ini dapat membantu untuk memahami proses perkembangan seseorang individu dalam pembentukan persepsi, konsep dan harga dirinya. Ini berkait rapat dengan sikap, tingkahlaku dan persepsinya terhadap kumpulan etniknya sendiri dan juga kumpulan-kumpulan etnik yang lain.

Proses sosialisasi juga memainkan peranan yang penting untuk mempengaruhi seseorang dalam mengidentifikasi dirinya. Dalam konteks kajian ini, proses sosialisasi penting untuk menggambarkan bagaimana unit-unit keluarga Sino-Kadazan terbina

yang akhirnya bertanggungjawab membentuk satu kelompok etnik yang besar.

Kepentingan proses sosialisasi ini juga dapat digambarkan oleh kaum Baba di Malaysia. Menurut Tan Chee Beng (1989:94-95), seseorang individu mengidentifikasi dirinya sebagai Baba adalah lebih disebabkan oleh pengalaman sosialisasinya dan bukan semata-mata kerana identiti ibubapanya sebabai Baba. Walau bagaimnapun, dalam sesbuah keluarga yang mempunyai ibubapa Baba, kemungkinan untuk anak itu dibesarkan dan mengidentifikasi dirinya sebagai Baba adalah besar. Jika hanya salah seorang adalah Baba, maka ada kemungkinan individu itu terdedah kepada pengaruh-pengaruh identiti etnik yang lain.

Interaksi sosial yang merupakan unsur penting dalam proses sosialisasi memainkan peranan penting dalam proses pembentukan, pemantapan dan perubahan identiti etnik. Walaupun seseorang itu dibesarkan dalam sebuah keluarga Baba, bertutur dalam bahasa Melayu Baba dan mengamalkan cara kehidupan Baba akan mengidentifikasi dirinya sebagai Baba, tetapi interaksi yang konstan dan kerap dalam lingkungan komunitinya lebih memberi peluang dan jaminan ke atas pemantapan identiti Baba itu. Ini adalah kerana setiap kaum atau kumpulan etnik adalah terdedah kepada perhubungan atau interaksi dengan pelbagai jenis kaum dan etnik yang pelbagai.

Oleh yang demikian, proses sosialisasi banyak berlaku pada tahap interpersonal yang ditakrifkan oleh Dashefsky dan Sapiro sebagai tahap di mana "*other persons directly affect the individual, influencing him by their own behaviour and attitudes...also affect his identification by mediating and supporting the individual's attachment to the group's organization and institutions*" (1974:51-52). Tahap sosialisasi interpersonal ini berlaku dalam kumpulan etnik Sino-kadazan apabila individu-individu dalam keluarga dan ahli-ahli dalam kumpulan itu mempengaruhi seseorang individu dalam kumpulan itu secara langsung melalui sikap dan tingkahlaku mereka dalam pelbagai aspek. Oleh itu, keanggotaan seseorang dalam sebuah kumpulan etnik merupakan satu faktor penting berlakunya proses ini.

Dalam membincangkan tentang proses sosialisasi, terdapat empat aspek penting yang menjadi faktor sosialisasi iaitu agen sosialisasi, tahap sosialisasi, tempat dan masa sosialisasi berlaku. Agen sosialisasi terdiri daripada keluarga yang termasuk ibubapa dan ahli-ahli keluarga lain, rakan-rakan dan orang-orang di sekitar. Tahap sosialisasi terdiri daripada tahap kanak-kanak dan remaja, dewasa dan dewasa pertengahan atau tua. Ini merujuk kepada tahap penting di mana seseorang itu banyak terdedah kepada identiti etniknya. Aspek ketiga menjelaskan tempat proses ini berlaku seperti di rumah, di sekolah, di kampung dan sebagainya. Akhirnya ialah masa di mana proses ini berlaku iaitu seperti dalam upacara-upacara keagamaan, majlis keramaian, interaksi harian, aktiviti-aktiviti kebajikan dan sebagainya. Semua

faktor ini adalah berkait rapat dan akan dibincangkan secara serentak dan menyeluruh.

a. Keluarga

Keluarga merupakan agen sosialisasi yang paling asas. Keluarga bukan sahaja merupakan mekanisme penting bagi proses ini tetapi juga sumber rujukan utama atau model bagi seseorang individu. Dengan lain perkataan, cara kehidupan, sikap, nilai dan amalan dalam keluarga merupakan ciri-ciri yang menjadi rujukan. Dalam kajian ini, lebih kurang 70% daripada responden dipengaruhi oleh keluarga terutamanya ibubapa dan ahli-ahli keluarga daripada salah satu pihak keluarga. Mereka menyatakan bahawa sikap dan pendapat ibubapa mereka adalah penting bagi mereka. Ini bermakna bahawa ekspektasi ibubapa mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tingkahlaku dan persepsi anak-anak.

Cik FC menerima pengaruh yang kuat daripada kedua-dua ibubapanya yang masing-masing adalah Cina dan Kadazan serta kaum keluarga pihak ibunya. Ayahnya menghantarnya ke sekolah rendah Cina dan menggalakkannya serta ahli-ahli keluarga yang lain untuk mengamalkan beberapa adat tradisi orang Cina khususnya semasa perayaan Tahun Baru Cina dan perayaan-perayaan lain. Hampir setiap hujung minggu mereka sekeluarga akan balik ke kampung ibunya untuk melawat ibubapa dan ahli keluarga ibunya. Pada masa ini, kebanyakan ahli keluarga ibunya akan berkumpul. Pergaulan dengan mereka yang majoritinya adalah Kadazan telah

menggalakkan Cik FC untuk mempelajari Bahasa kadazan dan cara kehidupan sehari-hari mereka. Ini menyebabkan Cik FC mempunyai sikap terbuka terhadap kedua-dua etnik Cina dan Kadazan terutamanya dari aspek budaya mereka.

Ayah Cik FC juga ingin agar anak-anaknya mempelajari dan mewarisi budaya Cinanya. Oleh sebab itu, apabila ayah Cik FC menjalankan sesuatu upacara Cina, maka Cik FC dan ahli keluarganya yang lain kecuali ibunya akan mengikut ayah Cik FC. Pada mulanya terdapat konflik antara ibubapa Cik FC untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Cina atau sekolah Melayu. Akhirnya, persetujuan telah dicapai untuk menghantar mereka ke sekolah Cina pada peringkat sekolah rendah dan memindahkan mereka ke selokah Melayu pada peringkat sekolah menengah. Di rumah pula, ibu Cik FC biasanya akan bercakap dalam Bahasa Kadazan dengan anak-anaknya selain daripada Bahasa Malaysia supaya mereka fasih berbahasa Kadazan. Sebaliknya ayah Cik FC menggunakan Bahasa Malaysia sahaja.

Bagi Puan AS pula, anak-anaknya lebih rapat dengan beliau berbanding dengan suami Puan AS. Dalam keadaan ini, beliau cuba mempraktikkan dan mewariskan adat-istiadat orang Cina yang diketahuinya kepada anak-anaknya yang lebih mengidentifikasi diri mereka sebagai Kadazan. Misalannya pantang-larang semasa mengandung dan selepas bersalin. Apabila anak-anak perempuannya yang telah berkahwin dengan orang-orang Kadazan mengandung atau lepas bersalin, mereka akan balik ke rumah Puan

AS untuk mendapatkan jagaan Puan AS sama ada dari segi makanan atau supaya tidak melanggar pantang. begitu juga semasa memilih hari perkahwinan anak-anaknya dan ketika berpindah rumah, Puan AS telah meminta nasihat orang tua-tua Cina untuk memilih hari yang baik.

Terdapat sebahagian daripada responden yang dipengaruhi oleh keluarga-keluarga *extended* yang lain. Mereka banyak menggalakkan responden untuk berkahwin atau bergaul dengan orang-orang sesama etnik iaitu bergantung kepada kecenderungan etnik mereka dengan alasan supaya identiti mereka tidak hilang. Ini secara langsung akan mempengaruhi persepsi responden terhadap etnik-etnik yang lain.

Secara keseluruhannya, selain daripada kedua-dua ibubapa, responden-responden juga cenderung untuk menerima pengaruh yang dominan melalui interaksi intensif daripada satu pihak sahaja iaitu sama ada ayah atau ibu. Dalam kajian ini, seramai enam orang responden yang menerima banyak pengaruh daripada ibu mereka kerana telah menghabiskan kebanyakan masa dengan ibu mereka. Di antara sebabnya ialah kerana ayah mereka telah meninggal sejak kecil lagi. Oleh itu, mereka cenderung mempelajari bahasa pertuturan ibu mereka, bergaul dengan saudara mara ibu mereka dan membina perspektif mereka berdasarkan ekspektasi ibu mereka. Dengan yang demikian, jika ibu mereka cenderung kepada satu etnik sahaja, maka mereka juga akan cenderung ke arah itu. Pengaruh daripada ibubapa dan ahli-ahli keluarga yang lain

merupakan satu proses yang berterusan dan berlaku terutamanya pada tahap awal kanak-kanak dan remaja.

b. Rakan-rakan Sebaya (*Peer Group*)

Walaupun keluarga merupakan agen sosialisasi yang utama tetapi rakan-rakan sebaya sama ada di sekolah atau di tempat kerja juga mempunyai peranan yang besar terhadap proses sosialisasi seseorang individu. Encik RL menyatakan bahawa pergaulannya dengan kumpulan etnik Kadazan hanya bermula apabila beliau memasuki sekolah menengah. Sebelum itu, beliau hanya tertumpu dalam lingkungan orang-orang Cina sahaja walaupun beliau tinggal di kampung yang mempunyai penduduk majoriti Kadazan. Di sekolah, beliau mempunyai ramai kawan yang bukan sahaja berketurunan Cina tetapi juga Kadazan, Melayu-Brunei, Kadazan dan Sino-kadazan seperti beliau sendiri. Ekoran daripada itu, beliau telah mula berminat untuk menyertai perayaan-perayaan orang Kadazan, merasa bebas untuk begaul dengan mereka terutamanya semasa menghadiri majlis-majlis keramaian mereka dan menyertai aktiviti-aktiviti di kampung.

Keadaan yang sama juga dialami oleh ayah Cik JML, Encik AMZ yang berketurunan Kadazan. Encik AMZ belajar bertutur Bahasa Kadazan daripada rakan-rakan sekerjanya dan melalui pergaulan sehariannya dengan orang-orang kampung. Encik AMZ tidak banyak menerima pendedahan daripada ibubapanya mengenai mana-mana budaya etnik. Beliau tidak memakan makanan

tradisional orang-orang Kadazan dan kurang pengetahuan mengenai adat-istiadatnya termasuklah menarikan tarian-tarian tradisional orang Kadazan. Walau bagaimanapun, dari segi interaksi dan perhubungan sosial, beliau adalah lebih terbuka iaitu beliau boleh menyesuaikan diri dengan kumpulan-kumpulan etnik yang lain seperti Cina, Bajau, Melayu-Brunei India dan sebagainya malah beliau boleh berkomunikasi dengan mereka menggunakan bahasa mereka.

Perhubungan dengan rakan-rakan sebaya juga mempengaruhi bahasa dan agama seseorang individu. Dalam konteks kaum Sino-Kadazan, seseorang yang pada mulanya hanya tahu berbahasa Cina akan berupaya mempelajari bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Melayu Sabah dan Kadazan. Misalnya Encik TCM yang berketurunan Cina telah berjaya menguasai bahasa Kadazan dan bahasa Melayu Sabah dengan fasih. Ini adalah ekoran daripada interaksinya dengan rakan-rakannya sejak di bangku sekolah dan sejak membuka perniagaan kain baju di kawasan yang mempunyai penduduk majoriti Kadazan.

Begitu juga dengan Encik ACR yang telah bersekolah di sekolah Melayu. Hubungan yang rapat dengan ibunya dan keluarga sebelah ibunya yang berketurunan Cina telah membolehkan beliau mempelajari bahasa Cina dengan fasih dan malah menjadikannya sebagai salah satu bahasa pertuturan utama dalam keluarganya.

Selain daripada bahasa, perhubungan dengan rakan-rakan sebaya juga mempengaruhi aspek agama seseorang individu. Misalnya seseorang yang beragama Cina pada mulanya akan memilih untuk berinteraksi dengan mereka yang seagama atau sesama etnik sahaja. Walau bagaimanapun, sosialisasi dengan rakan-rakan sebaya dapat mengubah pandangan tersebut, malah ada responden yang menukar agamanya setelah menyertai rakan-rakan sebayanya dalam aktiviti agama mereka. Ini bukanlah bererti bahawa tujuan sosialisasi adalah semata-mata untuk mempengaruhi seseorang untuk menukar agamanya tetapi sebaliknya menggalakkan seseorang untuk saling menerima agama-agama yang lain. Oleh yang demikian, proses sosialisasi dengan rakan-rakan sebaya merupakan satu proses yang boleh membantu untuk mengelakkan wujudnya pandangan bahawa semua Sino-Kadazan adalah beragama Kristian atau semua Sino-Kadazan adalah beragama Cina.

c. Sekolah

Selain daripada memberikan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang, sekolah juga memainkan peranan untuk memberi kesedaran tentang status sosial seseorang, pemisahan yang wujud antara kumpulan-kumpulan etnik yang berlainan dan mendedahkan kepada corak-corak perhubungan sosial yang lebih luas serta pelbagai. Mereka akan mula menyedari batasan-batasan mereka dalam pelbagai hal. Contohnya, pelajar-pelajar Cina di sekolah Melayu akan menghadapi masalah untuk berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan menyedari tentang

perbezaan mereka dengan pelajar-pelajar bumiputera khususnya dalam memperolehi bantuan biasiswa. dalam kajian ini, kebanyakan responden bersetuju bahawa adalah lebih baik untuk menghantar kanak-kanak ke sekolah Cina pada tahap awal pendidikan. Ini adalah kerana setelah mereka memasuki sekolah menengah dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi, peluang dan minat untuk mempelajari bahasa yang lain khususnya Bahasa Cina adalah kurang. Di kalangan responden, seramai sebelas orang telah menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah Cina.

Pengkaji telah membuat kajian ke atas dua buah sekolah rendah Cina di Papar iaitu sekolah Rendah Jenis kebangsaan (S.R.J.K) Cheng Hwa (Tadika dan Sekolah rendah) dan S.R.J.K St. Joseph. Di Tadika Cheng Hwa, daripada 183 orang pelajar, terdapat 15 orang pelajar Melayu, 25 orang Sino-Kadazan, 54 orang Kadazan dan selebihnya Cina. Di S.R.J.K Cheng Hwa pula, daripada jumlah pelajar yang dianggarkan antara 500-600 orang, terdapat seramai 307 orang pelajar Cina dan hanya 52 orang sahaja pelajar Kadazan. Oleh sebab itu, agak sukar untuk menegaskan jumlah mereka. Menurut Guru Besar sekolah tersebut, hampir kesemua pelajar-pelajar bumiputera berkomunikasi dalam bahasa Cina dengan baik dan dapat menyesuaikan diri dengan baik dengan pelajar-pelajar etnik lain.

Di S.R.J.K St. Joseph pula, pelajar-pelajarnya tidak berapa ramai kerana sekolah ini baru sahaja dirasmikan semula tiga tahun yang lalu selepas mengalami kebakaran pada tahun 1988. Daripada

287 orang pelajar, terdapat 4 orang pelajar Melayu, 45 orang pelajar Kadazan dan selebihnya adalah pelajar Cina. Menurut guru besarnya, jumlah pelajar bumiputera menunjukkan pertambahan dari setahun ke setahun dan pencapaian mereka dalam pelajaran juga menggalakkan. Pada tahun 1989, pelajar terbaik dalam peperiksaan akhir adalah pelajar Kadazan. Di kedua-dua buah sekolah ini, mereka telah meletakkan pelajar-pelajar Sino-kadazan yang mempunyai *surname* Cina di bawah kategori pelajar Cina. Oleh itu agak sukar untuk mengenalpasti jumlah mereka yang sebenarnya.

Aliran sesebuah sekolah juga mempengaruhi proses sosialisasi seseorang. Contohnya Cik JML yang telah bersekolah di sekolah Cina semasa sekolah rendah hanya mengetahui tentang identiti Sino-Kadazan apabila beliau masuk ke sekolah menengah. Ini adalah kerana semasa di sekolah Cina, beliau hanya dikategorikan sebagai bumiputera sahaja. Apabila beliau berpindah ke sekolah Melayu pada peringkat sekolah menengah, beliau diperlukan untuk memberikan status etniknya secara spesifik. Pada peringkat ini juga, beliau merasa serba-salah kerana terdapat kumpulan-kumpulan pelajar yang bergaul hanya sesama etnik mereka sahaja iaitu Cina dengan Cina, Kadazan dengan Kadazan dan sebagainya. Dalam keadaan ini, beliau tidak tahu di mana kumpulan beliau sebenarnya. Ini ditambah lagi dengan paras rupanya yang hitam manis seperti orang Melayu. Walau bagaimanapun, beliau merasakan satu keistimewaan sebagai Sino-kadazan kerana beliau

bebas masuk dalam mana-mana kumpulan ditambah lagi dengan kefasihannya bertutur dalam Bahasa Cina.

d. Tempat Tinggal

Kawasan tempat tinggal seseorang individu juga mempengaruhi proses sosialisasi iaitu bergantung kepada kumpulan etnik penduduk yang majoriti di kawasan tersebut. Selain daripada ibubapa, rakan-rakan sebaya dan sekolah, penduduk-penduduk kampung sebagai orang-orang yang mempunyai banyak peluang untuk berinteraksi juga bertanggungjawab untuk mempengaruhi dalam pembentukan nilai, sikap dan persepsi seorang individu. Proses ini boleh berlaku pada mana-mana tahap bergantung pada tahap mana individu itu mula berinteraksi rapat dengan penduduk-penduduk kampung tempat ia tinggal.

Encik YCY yang telah berpindah dari Beaufort ke Papar kerana berkahwin dengan orang Papar telah tinggal di Kampung Sungai Padang yang mempunyai penduduk majoriti Melayu-Brunei dan Kadazan. Beliau yang bekerja sebagai pemandu teksi banyak berinteraksi dengan kedua-dua etnik tersebut termasuk orang-orang Cina. Oleh sebab itu, walaupun beliau mengamalkan cara kehidupan Cina tetapi sejak tinggal di kampung tersebut, beliau telah banyak mempelajari tentang cara kehidupan orang-orang Kadazan dan Melayu-Brunei terutamanya dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan di kampungnya seperti upacara-upacara keagamaan, majlis-majlis kenduri dan keramaian, gotong-royong dan pesta-pesta perayaan. Di

kalangan responden seramai lapan orang responden yang mengaku banyak dipengaruhi melalui pergaulan dan interaksi dengan orang-orang kampung.

Selain daripada faktor-faktor keluarga, rakan-rakan sebaya, sekolah dan tempat tinggal, terdapat satu lagi faktor atau peringkat sosialisasi yang dikira penting dalam mempengaruhi identiti seseorang Sino-kadazan. Pada asasnya orientasi budaya ibubapa dan ahli-ahli dalam keluarga adalah penting dalam sesuatu proses sosialisasi. Walau bagaimanapun, faktor pengaruh pasangan atau sosialisasi pada peringkat perkahwinan juga penting untuk menentukan perubahan atau pengekalan identiti seseorang individu. Keadaan ini telah dijelaskan dalam konteks kaum Baba iaitu "*while the children may be socialized to be Baba, it is t a stage of marriage which either consolidate their Baba identity or reduce that identification*" (Tan Chee Beng, 1989:244).

Seseorang harus menyesuaikan dirinya dengan orientasi budaya pasangannya dan pihak keluarganya. Ini biasanya berlaku kepada golongan wanita dalam masyarakat kita yang bersifat patrilokal. Oleh yang demikian, seseorang yang mengidentifikasi dirinya sebagai seorang Sino-Kadazan kerana dibesarkan dalam keluarga Sino-Kadazan mungkin akan mengubah identitinya apabila berkahwin dengan seorang Cina, Kadazan atau Melayu. Dalam hal ini, peranan individu ini adlaah penting untuk membuat keputusan dalam menentukan identitinya sendiri.

Sebagai kesimpulannya, agen-agen sosialisasi yang utama adalah keluarga, rakan-rakan sebaya dan orang-orang di sekitar tempat kediaman. Adalah sukar untuk menentukan tahap-tahap mana proses ini berlaku tetapi secara keseluruhannya, proses ini berlaku secara berterusan dan ia merupakan proses yang penting dalam membantu untuk membina satu komuniti Sino-Kadazan yang maju dan berkembang di masa depan.

4.3 Interaksi dan Perhubungan Sosial

Bahagian ini bertujuan untuk menerangkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh responden dan bagaimana aktiviti-aktiviti ini membolehkan mereka berinteraksi dengan kelompok-kelompok etnik yang lain. Ekoran dripada interaksi dan perhubungan sosial ini akan membentuk persepsi masing-masing terhadap antara satu sama lain. Bahagian ini secara tidak langsung juga akan melihat sama ada terdapat faktor-faktor etnik dalam proses interaksi dan perhubungan sosial itu iaitu sama ada berlakunya perbuatan beza-membezakan mengikut kumpulan etnik dalam kegiatan dan interaksi harian.

Interaksi dan perhubungan sosial orang-orang Sino-Kadazan boleh dilihat dari aspek sosial dan ekonomi. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti sehari-hari mereka dan dalam urusan-urusan ekonomi. Daripada temubual-temubual yang dilakukan, terdapat pelbagai aktiviti sampingan yang dilakukan oleh

responden-responden di samping pekerjaan tetap mereka. Di antaranya ialah aktiviti sukan seperti bermain bola bagi responden lelaki, jahit-menjahit dan menanam bunga serta sayur-sayuran bagi responden wanita, berkebun gotong-royong, berkumpul untuk satu-satu aktiviti keagamaan dan sebagainya.

Satu lagi aktiviti yang sering dilakukan oleh orang-orang Kadazan terutamanya pada hujung minggu ialah berkumpul dan bersempbang sambil menghadapi hidangan yang disertai dengan minuman tradisional mereka iaitu minuman 'tapai'. Tempat berkumpul ini sama ada dilakukan di rumah salah seorang daripada mereka ataupun di pondok-pondok kecil yang didirikan tidak jauh daripada rumah mereka untuk tujuan ini yang dinamakan sebagai 'pajak'. Walau bagaimanapun, kegiatan ini tidak terhad kepada orang-orang Kadazan sahaja kerana ada orang-orang Cina dan Sino-Kadazan yang tinggal di kampung itu yang menyertainya. Pada ketika ini, topik perbualan mereka meliputi pelbagai aspek iaitu daripada isu-isu senasa dan sehari-hari hingga kepada hal-hal politik dan ekonomi. Kegiatan seumpama ini walau bagaimanapun biasanya terhad kepada orang-orang lelaki sahaja kecuali pada hari perayaan yang mana akan disertai oleh kaum wanita.

Aktiviti-aktiviti sukan seperti bermain bola dan juga aktiviti gotong-royong menggalakkan interaksi dengan pelbagai etnik di kampung itu termasuklah orang-orang Melayu, Brunei dan Bajau. Bagi kaum wanita, aktiviti seperti jahit-menjahit dan menanam bunga hanya melibatkan sebilangan kecil sahaja penduduk

kampung. Aktiviti-aktiviti keagamaan seperti menghadiri upacara sembahyang atau Misa pada hari Ahad dan doa-doa perkumpulan hanya terhad kepada mereka yang beragama Kristian sahaja tetapi meliputi ketiga-tiga etnik Cina, Kadazan dan Sino-kadazan ini. Begitu juga dengan upacara sembahyang di Tokong Cina hanya terhad kepada orang-orang Cina yang beragama Cina sahaja.

Interaksi dan perhubungan sosial yang lebih luas berlaku dalam urusan-urusan ekonomi sehari-hari. Di Pekan Papar, terdapat kegiatan perniagaan besar-besaran yang diadakan sekali seminggu iaitu bermula pada malam hari Sabtu hingga ke petang hari Ahad yang dinamakan 'Tamu Minggu'. Di tempat ini, pelbagai jenis etnik boleh dilihat sama ada sebagai penjual maupun sebagai pembeli. Penjualnya terdiri daripada orang-orang Cina, Kadazan, Melayu, Brunei, Bajau, Bugis dan Filipino. Oleh itu tempat ini bukan sahaja sebagai tempat membeli-belah tapi juga sebagai tempat pertemuan antara pelbagai jenis etnik.

Hubungan yang mesra dapat dilihat walaupun mereka saling tidak mengenali terutamanya apabila melakukan tawar-menawar harga barang. Budi bahasa mereka dapat dilihat apabila mereka saling bertegur sapa bertanyakan tentang jenis barang yang dijual atau dibeli pada minggu itu. Ini adalah kerana ramai penjual yang datang dari tempat-tempat yang jauh seperti Ranau, Tamparuli, Bongawan, Beaufort, Kimanis dan sebagainya. Bahasa yang digunakan adalah Bahasa Melayu pasar loghat Sabah yang difahami oleh hampir seluruh orang termasuk orang-orang Cina,

India dan Bugis. Inilah salah satu suasana perhubungan sosial yang paling menarik.

Selain daripada Tamu Minggu, Pekan Papar juga mempunyai Pasar Am, Pasar Ikan, gerai-gerai makanan Melayu, Cina dan India, barisan Kedai Lama Papar dan Kedai Baru Papar yang menjalankan berbagai-bagai jenis perniagaan. Hampir 85% daripada peniaga-peniaga terdiri daripada orang-orang Cina dan selebihnya adalah orang-orang India, Melayu, Bajau dan Kadazan.

Dalam perhubungan antara penjual dan pembeli, terdapat unsur-unsur percaya-mempercayai dan unsur curiga-mencurigai. Unsur percaya-mempercayai ini wujud antara pembeli dan penjual daripada kelompok etnik yang sama terutamanya dalam urusan tawar-menawar harga barang. Manakala unsur curiga-mencurigai ini wujud apabila pembeli dan penjual adalah daripada kelompok etnik yang berbeza. Ini berlaku terutamanya apabila peniaga-peniaga Cina atau India bercakap dalam bahasa yang tidak difahami sesama mereka ketika menjalankan urusan jual-beli. Contohnya Puan JC yang mempunyai paras rupa seperti orang Cina tetapi tidak pandai berbahasa Cina selalu mengalami keadaan ini. Apabila beliau cuba menawarkan harga barang dengan bercakap Bahasa Melayu Sabah, penjual Cina tidak menurunkan harga tersebut, tetapi apabila anaknya yang bersekolah Cina dan pandai berbahasa Cina bercakap bagi pihak ibunya, penjual tersebut setuju menurunkan harga.

Faktor-faktor etnik juga mempengaruhi pembeli-pembeli untuk membeli di kedai-kedai yang peniaganya adalah daripada etnik yang sama. Contohnya golongan bumiputera Kadazan dan Melayu cenderung mengutamakan untuk membeli di kedai-kedai orang Kadazan dan Melayu kecuali jika barang-barang tersebut tidak terdapat di kedai-kedai itu. Walau bagaimanapun, ini tidak boleh dianggap sebagai bermotifkan prasangka etnik semata-mata kerana kemungkinan terdapat usaha untuk membantu golongan bumiputera sesama mereka.

Sebagai kesimpulannya, terdapat satu gambaran interaksi dan perhubungan sosial yang harmoni antara pelbagai jenis etnik ini apabila mereka berkumpul dan berinteraksi di satu tempat yang sama dan pada satu masa yang sama. Perhubungan yang harmoni inilah juga yang mempengaruhi kemantapan dan kedudukan sesuatu golongan etnik kerana tanpa perhubungan sosial dan interaksi yang harmoni di antara mereka, mereka tidak dapat hidup sebagai satu masyarakat. Begitu juga dengan kelompok Sino-Kadazan, mereka memerlukan suasana dan keadaan ini untuk memastikan bahawa kelompok mereka diterima masuk ke dalam kelompok yang majoriti dan seterusnya menjadi anggota dalam masyarakat yang berbilang etnik ini.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dalam konteks negara Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang etnik, kajian mengenai etnisiti adalah penting untuk memahami identiti sesuatu etnik itu. Dalam hal ini, kajian mengenai identiti kumpulan etnik yang terhasil daripada perkahwinan campur atau interetnik telah menjadi salah satu tumpuan utama dalam kajian-kajian etnisiti. Ini adalah kerana perkahwinan interetnik akan menghasilkan satu golongan baru yang mempunyai identiti yang baru hasil daripada gabungan identiti antara kedua-dua etnik tersebut, seperti yang dinyatakan oleh Sullivan & Leong (1981:547), "*As people inter marry or assimilate with other groups, ethnic divisions are created or disappear.*"

Kajian-kajian etnisiti ini meliputi pelbagai aspek dalam sesuatu kumpulan etnik yang dikaji termasuklah masalah-masalah sempadan etnik dan identiti etnik itu sendiri. Masalah-masalah ini timbul akibat daripada perbezaan etnik antara kedua-dua kumpulan etnik yang bergabung itu, perbezaan kedudukan status sosial dan pandangan objektif serta subjektif sama ada daripada kedua-dua kumpulan etnik itu sendiri mahupun daripada masyarakat secara keseluruhannya.

Dalam kajian mengenai identiti etnik Sino-Kadazan, pengkaji telah membincangkan mengenai identiti etnik itu sendiri

dan isu-isu utama dalam kaum ini iaitu masalah-masalah yang dihadapi oleh seorang Sino-Kadazan. Kajian ini penting kerana ia dapat menggambarkan bagaimana perubahan budaya berlaku dalam kumpulan ini. Perubahan budaya ini secara langsung dapat menggambarkan sifat-sifat dinamik orang-orang Sino-kadazan iaitu bagaimana konsep, makna dan isi identiti Sino-kadazan berubah dalam keadaan-keadaan dan tahap-tahap perhubungan etnik yang berbeza-beza. Ciri-ciri dinamik ini seterusnya memperlihatkan bagaimana proses adaptasi berlaku dalam unit yang kecil iaitu keluarga Sino-Kadazan hingga ke tahap kelompok etnik Sino-kadazan yang lebih besar.

Dalam menjelaskan proses adaptasi ini, salah satu aspek penting yang berkait rapat dengannya dan mempengaruhi identiti secara keseluruhannya ialah proses sosialisasi. Selain daripada faktor-faktor perkahwinan, faktor dasar kerajaan dan faktor-faktor lain, kedua-dua proses adaptasi dan proses sosialisasi adalah penting untuk menentukan pemantapan dan perubahan identiti Sino-Kadazan ini. Kesemua faktor adalah berkait rapat antara satu sama lain dan amat penting untuk menghasilkan dan menentukan pembinaan atau pembentukan kumpulan etnik ini untuk menjadi satu kumpulan etnik yang lebih besar dan meluas.

5.1 Isu-Isu Utama Mengenai Identiti Sino-Kadazan

Isu utama dalam perbincangan ini banyak berdasarkan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang Sino-

Kadazan iaitu dari segi peluang-peluang yang terhad dalam menikmati kemudahan yang ditawarkan oleh kerajaan. Masalah ini yang berhubung dengan faktor polisi kerajaan yang memerintah merupakan salah satu penyebab terhadap sifat dinamik dalam identiti Sino-kadazan.

Dasar kerajaan negeri yang banyak berpandukan kepada Dasar Ekonomi Baru yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pusat sejak 1970 akibat daripada rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 telah berlanjutan hingga ke hari ini. Polisi ini yang memberikan keistimewaan utama kepada golongan bumiputera dalam beberapa aspek tertentu telah memberikan pengaruh yang besar kepada golongan bukan bumiputera. Walaupun dalam hal ini Sino-Kadazan layak dikategorikan sebagai bumiputera tetapi ia adalah tertakhlik kepada syarat-syarat tertentu. Dalam keadaan ini, syarat-syarat ini telah berubah-ubah kerana dieksplotasikan oleh pihak-pihak yang tertentu terutamanya terhadap perolehan Sijil Anak Negeri. Selain daripada itu, terdapat beberapa faktor lain yang menjadikan keadaan ini bertambah kompleks iaitu faktor nisab ayah, faktor nama, faktor keturunan dan faktor budaya.

a. Faktor Nisab Ayah

Dalam masyarakat yang paternalistik, nisab ayah telah dijadikan prinsip asas untuk mengidentifikasi seseorang. Ini bermakna, jika ayah adalah seorang Cina dan ibu adalah Kadazan, maka identiti anak adalah Cina jika bukan Sino-kadazan. Secara

keseluruhannya, di kalangan responden, konsep ini memang berlaku tetapi ia berlaku pada generasi-generasi yang berlainan dan tidak semestinya berlaku dalam semua generasi.

Peranan nisab ayah adalah penting kerana ia juga mempengaruhi pemantapan dan perubahan identiti Sino-Kadazan. Pemantapan berlaku jika seorang individu mengidentifikasi dirinya berdasarkan identiti ayahnya dan apabila seorang ayah Sino-Kadazan mengekalkan identiti itu hingga ke generasi yang seterusnya ditambah dengan perkahwinan-perkahwinan dengan unit-unit keluarga Sino-kadazan yang lain. Perubahan identiti berlaku apabila perkahwinan sedemikian tidak berlaku dan keluarga itu tidak mengikut konsep nisab ayah untuk mengidentifikasi dirinya. Oleh kerana konsep ini juga merupakan konsep yang diterima secara rasmi oleh kerajaan negeri dalam mengkategorikan etnik seseorang, maka konsep ini telah diamalkan dengan meluas.

b. Faktor Nama

Secara umumnya, nama telah distereotaipkan sebagai indikator atau petunjuk utama dalam mengenalpasti agama atau etnik seseorang. Oleh itu, seseorang yang mempunyai nama Cina akan dikenalpastikan sebagai orang Cina dan mengamalkan aagama Cina, yang mempunyai nama Melayu sebagai orang Melayu dan beragama Islam dan yang mempunyai nama-nama laian termasuk nama-nama Barat yang bukan dalam kedua-dua kategori tadi akan digolongkan sebagai orang Kadazan atau 'lain-lain' dan beragama

Kristian dan 'lain-lain'. Walaupun dalam konteks masyarakat Islam terdapat garis panduan tertentu dalam memilih nama-nama yang secara langsung menggambarkan agama Islam, tetapi keadaan ini tidak boleh diaplikasikan dalam semua masyarakat dan agama.

Di Sabah, walaupun terdapat perbezaan dari segi agama yang dianuti antara orang-orang Islam di kawasan Pantai dengan orang-orang Asli bukan Islam di bahagian Pedalaman, etnik atau kaum tidak semestinya menjadi simbol utama untuk agama yang dianuti. Ini adalah kerana berdasarkan Banci Penduduk 1970, adalah didapati bahawa terdapat sebilangan kecil orang-orang Bajau dan Melayu yang secara konvensionalnya dikategorikan sebagai orang-orang Islam adalah beragama Kristian dan Cina (Sullivan & Leong, 1981: 565). Walaupun jumlah golongan ini adalah kecil dan keadaan ini jarang berlaku tetapi ia membuktikan bahawa pandangan atau perspektif yang sempit mengenai nama dan agama serta etnik haruslah diubah kerana keadaan ini akan menambahkan kompleksiti atau masalah-masalah dalam aspek pengidentifikasi.

Menurut Sullivan & Leong (1981:565), "*In Sabah, names tend to reflect the ethnic diversity that exists more than their religious affiliations*" Dalam keadaan apabila nama dijadikan sebagai indikator atau petunjuk kepada etnik atau agama seseorang, orang-orang Sino-Kadazan yang mempunyai nama Cina telah bertindak menggugurkan nama Cina mereka untuk mengatasi pemisahan dari segi sosial, ekonomi dan politik. Ini dilakukan

walaupun mereka telah mempunyai ciri-ciri fizikal dan paras rupa seperti orang Kadazan dan mengamalkan cara hidup orang kadazan.

c. Faktor Keturunan

Apabila seorang Cina dan kadazan berkahwin, maka akan menghasilkan anak keturunan Sino-kadazan. Dalam perkahwinan campur, faktor kekeluargaan banyak memainkan peranan untuk menentukan identiti generasi yang dihasilkan. Dalam hal ini, keluarga boleh menentukan status etnik anak tanpa dipersetujui oleh anak itu sendiri kerana biasanya ia dilakukan sewaktu anak tersebut masih kecil. Walau bagaimanapun, biasanya keputusan juga boleh bergantung kepada perspektif individu itu sendiri. Oleh sebab itu, ada kemungkinan berlakunya pertentangan antara status etnik dengan amalan budaya. Ini berlaku apabila seseorang individu itu lebih tertarik atau menerima banyak pengaruh daripada budaya yang lain daripada etniknya. Ini juga akan menyebabkan wujudnya dua atau lebih jenis identiti etnik atau amalan budaya yang berlainan dalam sebuah keluarga yang sama.

Pengaruh budaya etnik daripada generasi-generasi yang sebelumnya juga boleh mempengaruhi identiti etnik sesebuah keluarga itu. Seseorang individu yang menerima pengaruh daripada beberapa campuran etnik dikenali sebagai 'keturunan campuran'. Dengan yang demikian, apabila seseorang diidentifikasi sebagai 'keturunan campuran', ia mungkin akan mengalami konflik untuk mencari identiti dirinya yang tetap.

d. Faktor Budaya

Sebagaimana yang telah ditegaskan dalam perbincangan sebelum ini bahawa budaya merupakan satu entiti penting sebagai simbol identiti seseorang. Dalam konteks Sino-kadazan, gabungan antara dua atau lebih jenis budaya etnik yang berlainan menyebabkan timbulnya masalah untuk memilih satu jenis budaya etnik yang harus diamalkan. Oleh sebab itu, proses adaptasi adalah penting untuk mengelakkan berlakunya konflik atau pertentangan budaya.

Secara keseluruhannya, responden-responden tidak mengalami masalah yang besar dalam mengadaptasikan diri dalam kedua-dua jenis budaya etnik. Salah satu faktor penting yang mewujudkan keadaan ini ialah faktor agama. Hampir setiap responden mempunyai *preference* dari segi agama dalam memilih pasangan mereka dan pasangan anak-anak mereka. Mereka menekankan untuk mempunyai pasangan daripada agama yang sama supaya tidak menimbulkan konflik bukan sahaja dari segi agama tetapi juga amalan budaya. Oleh yang demikian, apabila kedua-dua pihak pasangan menganuti agama yang sama, maka perbezaan amalan budaya tidak akan menjadi satu masalah yang penting. Ini juga memudahkan proses adaptasi bagi kedua-dua pihak.

Dari segi makanan, kedua-dua etnik tidak mempunyai larangan dari segi agama untuk memakan makanan orang-orang Cina dan begitu juga sebaliknya, malah semakin ramai orang Cina yang boleh meminum 'tapai' pada masa kini. Dari segi pakaian, walaupun kedua-dua etnik mempunyai pakaian-pakaian tradisional masing-masing tetapi dari segi pakaian harian mereka telah banyak dipengaruhi oleh fesyen semasa seperti pakaian-pakian barat, malah ramai di antara surirumah-surirumah yang berketurunan Cina yang memakai kain sarong Melayu sebagai salah satu pakaian harian mereka. Istilah kekeluargaan yang digunakan adalah bercampur-campur antara istilah dalam bahasa Cina, Kadazan dan Melayu. Ini menggambarkan sikap terbuka di kalangan Sino-Kadazan yang mudah menyesuaikan diri dalam lingkungan budaya yang berlainan

5.2 Kemungkinan-Kemungkinan dan Implikasinya

Berdasarkan kajian ini, terdapat dua kemungkinan berhubung dengan kumpulan etnik Sino-Kadazan ini iaitu kemungkinan positif dan negatif. Unit-unit keluarga Sino-kadazan telah menjadi semakin berkembang untuk menjadi sebuah kumpulan etnik yang lebih besar di Sabah selepas hampir setengah abad berlakunya perkahwinan campur antara golongan Cina dan Kadazan atau penduduk-penduduk tempatan secara meluas. Oleh itu, adalah tidak mustahil untuk ianya menjadi sebuah kumpulan etnik yang tersendiri sebagaimana wujudnya entiti etnik Baba di Melaka dan di tempat-tempat lain. Dalam keadaan ini, Sino-Kadazan

akan dikenali sebagai sebuah kumpulan etnik yang setaraf dengan kumpulan etnik yang lain seperti India, Cina, Melayu, Kadazan dan sebagainya. Pada tahap ini, kumpulan etnik Sino-Kadazan akan diterima secara sah untuk dikategorikan sebagai golongan bumiputera atau salah sebuah kumpulan pribumi. Oleh itu, setaraf dengan golongan bumiputera lain, mereka layak dan berhak menikmati segala jenis peluang dan kemudahan yang ditawarkan oleh kerajaan tanpa sebarang diskriminasi.

Rasional bagi cadangan ini ialah bahawa kedua-dua etnik, Kadazan dan Cina adalah penduduk asli Sabah yakni yang dilahirkan di bumi Sabah. Setelah begitu banyak generasi yang berlalu, orang-orang Cina yang ada di Sabah bukan lagi orang-orang Cina seperti zaman pemerintahan British dahulu yang dianggap sebagai *alien race* atau *second class citizens*. Sebaliknya mereka adalah dilahirkan di Sabah, membesar di Sabah dan hidup di Sabah. Tambahan pula, anak-anak yang dilahirkan hasil daripada perkahwinan campur ini bukan lagi boleh dianggap sebagai orang Cina 'tulin' seperti orang-orang Cina dari China, Hong Kong dan Taiwan yang mula-mula berhijrah ke Sabah dulu. Kaum ini juga akan menjadi model kepada etnik-etnik yang lain untuk menanam dan mempunyai sikap terbuka terhadap etnik lain serta menjadi motivasi untuk mempunyai semangat integrasi nasional.

Kemungkinan negatif berhubung dengan kaum Sino-kadazan ini ialah menghapuskan konsep Sino-Kadazan atau etnik Sino-Kadazan ini, yakni tidak mengiktirafkan Sino-Kadazan sebagai

sebuah kumpulan sub-etnik dan identiti seseorang yang dilahirkan hasil daripada perkahwinan campur haruslah merujuk kepada identiti ayahnya tanpa mengambilkira campuran darah etniknya. Ini juga bermakna bahawa jika ayahnya Cina maka anaknya akan mempunyai identiti Cina dan sebaliknya jika ayahnya adalah seorang Kadazan.

Rasional bagi kemungkinan ini ialah akibat daripada masalah-masalah yang mereka hadapi dalam beberapa aspek tertentu dan kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh pihak kerajaan untuk menentukan kategori mereka, sama ada Kadazan, Cina atau Sino-Kadazan kerana harus mengambilkira banyak faktor lagi. Di samping itu, kerajaan harus membuat dasar-dasar tertentu berhubung dengan identiti kumpulan etnik ini dan mengubahnya dari semasa ke semasa dan sudah tentu dasar-dasar ini akan memberi kesan-kesan yang tertentu ke atas kumpulan etnik ini.

Walau bagaimanapun, kita harus mengambilkira tentang implikasi-implikasi terhadap kemungkinan-kemungkinan ini. Pada tahap yang lebih luas lagi yakni pada peringkat negara, memang telah wujud perkahwinan campur sedemikian iaitu daripada pelbagai etnik yang berlainan. Jika Sino-kadazan diberikan kedudukan khas sebagai satu kumpulan etnik yang setaraf dengan kumpulan-kumpulan etnik yang lain, maka ada kemungkinan tindakan ini akan dieksplotasikan oleh pendatang-pendatang asing lain yang berkahwin dengan orang-orang tempatan yang juga ingin mengambil kesempatan untuk mendapatkan status sebagai

bumiputera. Tambahan pula, adalah sukar untuk mencari sempadan etnik yang tertentu bagi kaum Sino-kadazan yang mengalami proses campuran budaya.

Sebaliknya adalah tidak rasional sama sekali untuk mengabaikan kewujudan kumpulan etnik ini sama sekali. Cadangan untuk mengidentifikasi mereka berdasarkan etnik ayah akan menimbulkan masalah pengkategorian yang tidak jelas. Ini akan menjadikan data-data atau maklumat mengenai etnisiti di Sabah tidak *reliable*. Konsep identiti Sino-kadazan adalah berbeza dengan konsep identiti golongan Baba kerana golongan Baba telah mempunyai ciri-ciri identiti yang lebih *established*.. Oleh yang demikian, istilah Sino-Natives yang digunakan dalam Banci 1951 untuk mengkategorikan mereka adalah sesuai untuk mewakili kumpulan-kumpulan etnik seperti Sino-kadazan ini.

5.3 Kesimpulan

Dalam meneliti masalah-masalah dari segi kedudukan Sino-kadazan sebagai salah satu kumpulan sub-etnik di Sabah, tumpuan kita adalah lebih kepada faktor-faktor yang berkaitan dengan masalah-masalah tersebut. Dalam hal ini, adalah jelas bahawa identiti etnik seseorang individu adalah dipengaruhi rapat oleh struktur politik dan sosioekonomi dalam sesebuah negara yang berbilang etnik. Identiti Sino-Kadazan dikatakan *ambiguous* kerana pengaruh faktor-faktor ini. Dalam hal ini, konsep identiti Sino-

kadazan itu sendiri cenderung untuk berubah-ubah apabila seseorang itu mengambilkira kesemua faktor ini.

Sebagai rumusannya, konsep identiti Sino-Kadazan adalah berbeza-beza mengikut pandangan objektif dan subjektif sama ada oleh orang-orang Sino-Kadazan sendiri mahupun masyarakat Sabah keseluruhannya. Dalam hal ini, pandangan objektif banyak dipengaruhi oleh faktor nama di samping faktor-faktor lain seperti rupa paras dan ciri-ciri budaya material yang lain. Pandangan subjektif pula banyak dipengaruhi oleh pandangan individu itu sendiri iaitu nilai-nilai dan konsep yang dikenalpasti olehnya sebagai Sino-kadazan. Pandangan subjektif individu adalah ekoran daripada proses sosialisasi ditambah dengan persepsinya sendiri terhadap konsep identiti Sino-Kadazan.

Kemungkinan positif dan negatif yang telah dibincangkan sebelum ini tidak harus diabaikan begitu sahaja. Ini adalah kerana ia berkaitan dengan masa depan kaum Sino-Kadazan sendiri. Oleh itu, sesuatu tindakan yang diambil berhubung dengan kaum ini haruslah dipertimbangkan sebaik-baiknya. Kumpulan sub-etnik ini mempunyai ciri-ciri menarik yang tidak harus dikecualikan dalam bidang kajian mengenai etnisiti. Kewujudan kumpulan ini juga merupakan satu bukti nyata bahawa akan wujud lebih banyak lagi kumpulan-kumpulan sedemikian yang boleh membawa banyak sumbangan terhadap kajian mengenai proses-proses yang berlaku dalam sesebuah kumpulan etnik.

Proses perkahwinan interetnik merupakan satu proses yang semulajadi dan berterusan. Oleh itu, sebarang halangan terhadap kewujudan dan pembentukannya adalah patut dielakkan. Begitu juga dengan kaum Sino-Kadazan yang menghadapi banyak halangan dan masalah dalam pembentukan dan perkembangannya menjadi sebuah kelompok yang besar. Kaum ini patut mendapat peluang untuk berkembang secara semulajadi. Dengan lain perkataan, kaum ini patut diberi kebebasan untuk memilih atau menentukan identitinya tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak terutamanya oleh keadaan politik dan sosioekonomi negara itu sendiri. Kebebasan ini tidak semestinya dapat menjamin untuk membentuk sebuah kumpulan etnik yang besar tetapi adalah penting untuk melihat proses-proses semulajadi yang berlaku dalam jangkamasa perkembangan itu.

Sebagai kesimpulannya, Sino-Kadazan mempunyai kemungkinan dan harapan untuk berkembang menjadi sebuah kumpulan etnik yang besar. Walau bagaimanapun, kumpulan etnik ini nanti sudah tentu akan berbeza dengan kumpulan-kumpulan etnik yang lain terutamanya dari segi identiti dan ciri-ciri budayanya. Salah satu sebab yang menyebabkan identiti dan budaya yang menarik ialah sifat dinamiknya yakni perubahan-perubahan yang sentiasa berlaku dari masa ke semasa untuk memberi satu kesesuaian bagi keadaan-keadaan yang tertentu. Oleh itu, memang sukar untuk menetapkan satu sempadan etnik yang tersendiri bagi kumpulan ini disebabkan sifatnya yang dinamik. Oleh sebab ini jugalah, identiti etnik ini adalah identiti *ambiguous*.

BIBLIOGRAFI

Buku:

Anwar Sullivan & Cecilia Leong

1981 *Commemorative History of Sabah 1881-1981*. The
 Sabah State Government Centenary Publication
 Committee, Sabah.

Barth, Frederick

1970 *Ethnic Groups and Boundaries*. George Allen & Unwin,
 London.

Benson, Susan

1981 *Ambiguous Ethnicity:Interracial Families in London*.
 Cambridge University Press, USA.

Black, Ian

1980 *A Gambling Style of Government:The Establishment of the
 Chartered Company'S Rule in Sabah, 1878-1915*. Oxford
 University Press, Kuala Lumpur.

Dashefsky, A & Shapiro, H.M

1974 *Ethnic Identification among the American Jews*. Lexington
 Books D.C Heath & Company, London.

Evans, I.H

1922 *Among Primitive People in Borneo*. Seeley Service &
 Company Ltd., London.

Han Sin Fong

1975 *The Chinese in Sabah, East Malaysia.* The Chinese Association for Folklore, Taipei, China.

Harre, John

1966 *Maori and Pakeha: A Study of Mixed Marriages in New Zealand.* Pall Mall Press, London.

Hoebel, Robert

1984 *Sabah.* Eurasia Press Pte. Ltd., Singapore.

J.G Kitingan & M.J Ongkili

1989 *Sabah 25 Years Later 1963-1988.* Institute for Development Study (Sabah), Sabah.

Jones, L.W

1960 *North Borneo: Report on the Census of Population.* University of London, The Athlone Press, London.

1966 *The Population of Borneo: A Study of the People of Sarawak, Sabah and Brunei.* University of London, The Athlone Press, London.

Lee, Edwin

1976 *The Towlays of Sabah.* Singapore University Press Ltd., Singapore.

- Lee Yong Leng
- 1962 *North Borneo: A Study In Settlement Geography.* Donald Moore Press, Ltd., Singapore.
- Mohd. Aris Hj. Othman
- 1985 *Identiti Etnik Melayu.* Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Patricia Regis
- 1989 "Demography" dalam buku *Sabah 25 Years Later 1963-1988*, disunting oleh J.G Kitingan & M.J Ongkili.
- Phinney, J.S & Rotheram, M.J
- 1987 *Children's Ethnic Socialization, Pluralism and Development.* Sage Publications Inc., Newbury Park, California.
- Riaz Hassan
- 1986 *Interethnic Marriage in Singapore: A Study in Interethnic Relation.* The Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
- Roth, L.W
- 1980 *The Natives of Sarawak and British North Borneo.* The University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Rutter, Owen
- 1922 *British North Borneo.* Constable & Company Ltd., London.

- 1929 *The Pagans of North Borneo.* Hutchinson, London.

Tan Chee Beng

1983 "Chinese Religion in Malaysia", *Asian Folklore Studies*, Vol. 42:217-252.

1988 *The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia.* Pelanduk Publications, Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

1993 *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore.* Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Tarling, Nicholas

1989 *Mrs. Pryer in Sabah-Diaries and Papers from the Late Nineteenth Century.* University of Auckland, Auckland.

Tregonning, K.G

1958 *Under Chartered Company's Rule.* University of Malaya Press, Kuala Lumpur.

Usha Devi K. Arumugam

1989 "Masalah Identiti Golongan Sino-Indian di Malaysia." Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zakaria Jap

1981 "Papar dalam Sabah 100 Tahun (Satu Tinjauan Umum)"
dalam Buku Cenderamata *Perayaan Sabah 100
Tahun 1881-1981, Daerah Papar.* Papar.

Buku Cenderamata dan Bahan Cetakan Kerajaan:

1. *Introduction to Sabah and Its People.* Disusun dan disunting oleh Pejabat Perhubungan Negeri-Persekutuan, Kota Kinabalu, 1992.
2. *The Hakkas in Sabah.* Diterbitkan bersama oleh Department of Sabah Museum and State Archives and The United Sabah Hakka Association, Kota Kinabalu, 1991.
3. Buku Cenderamata *Sempena Majlis Perasmian Bangunan Pasar Baru Pasar am dan Pejabat Majlis Daerah Papar,* Papar, 1993.
4. *North Borneo Annual Report, 1961.* Government Printing Department Jesselton, North Borneo, 1962.

PETA NEGERI SABAH



PETUNJUK

— — — — — SEMPADAN DAERAH

• BANDAR

PETA KEDUDUKAN PEKAN PAPAR

